

BAB 3

Tinjauan Makroekonomi

63 PERSPEKTIF KESELURUHAN

63 EKONOMI 2025

Rencana 3.1 - Ketidaktentuan Impak Tarif Amerika Syarikat ke atas Ekonomi Malaysia

Sisipan 3.1 - Kesan Perubahan Harga Terhadap Corak Perbelanjaan Isi Rumah

100 TINJAUAN 2026

Sisipan 3.2 - Merapatkan Jurang Kecerdasan Buatan di Malaysia

111 KESIMPULAN

112 RUJUKAN

BAB 3

Tinjauan Makroekonomi

Perspektif Keseluruhan

Ekonomi Malaysia kekal kukuh dan berkembang sebanyak 4.4% dalam tempoh enam bulan pertama tahun 2025. Pertumbuhan ini diunjur berterusan antara 4% – 4.8% pada 2025 dan 4% – 4.5% pada 2026. Angka ini selaras dengan unjuran Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dalam laporan World Economic Outlook Update, July 2025 yang menjangkakan pertumbuhan ekonomi Malaysia pada 4.5% untuk 2025 dan 4% untuk 2026.

Pertumbuhan ini terutamanya dipacu oleh permintaan dalam negeri yang kukuh, inflasi sederhana, pasaran buruh menggalakkan dan pelaksanaan dasar proaktif oleh Kerajaan. Prestasi ini juga akan disokong oleh Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025 dan Tahun Melawat Malaysia 2026 (VM2026). Ekonomi terus diterajui oleh kerangka Ekonomi MADANI dan Kerajaan kekal komited untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi menarik bagi pelaburan berkualiti. Pada masa yang sama, penambahbaikan berterusan dalam mekanisme penetapan gaji dan peningkatan kecekapan perniagaan dijangka mengukuhkan struktur gaji seterusnya menyumbang kepada bahagian pendapatan pekerja yang lebih tinggi.

Ekonomi 2025

Sektoral

Sektor Perkhidmatan

Mengekalkan pertumbuhan

Sektor **perkhidmatan** berkembang sebanyak 5% pada separuh pertama 2025 dan dianggar meningkat sebanyak 5.1% pada separuh kedua 2025 disokong oleh perbelanjaan isi rumah yang berdaya tahan dan ketibaan pelawat asing yang lebih tinggi seterusnya merancakkan aktiviti pelancongan domestik. Secara keseluruhan, sektor ini dijangka berkembang sebanyak 5.1% dengan semua subsektor mencatat pertumbuhan positif.

JADUAL 3.1. Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Sektor, 2024 – 2026 (pada harga malar 2015)

	BAHAGIAN (%)	PERUBAHAN (%)		
	2025 ¹	2024	2025 ¹	2026 ²
Perkhidmatan	59.7	5.3	5.1	5.2
Pembuatan	23.0	4.2	3.8	3.0
Pertanian	6.1	3.1	1.2	2.2
Perlombongan	5.8	0.9	1.1	-1.0
Pembinaan	4.2	17.5	10.1	6.1
KDNK	100.0	5.1	4.0 – 4.8	4.0 – 4.5

¹ Anggaran
² Unjuran
Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran dan tidak termasuk komponen duti import
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

JADUAL 3.2. *Prestasi Sektor Perkhidmatan, 2024 – 2026 (pada harga malar 2015)*

	BAHAGIAN (%)	PERUBAHAN (%)		
	2025 ¹	2024	2025 ¹	2026 ²
Perdagangan borong dan runcit	29.8	4.3	4.4	5.0
Kewangan dan insurans	10.8	4.9	2.1	2.8
Maklumat dan komunikasi	10.7	3.4	3.6	4.3
Hartanah dan perkhidmatan perniagaan	8.0	9.5	7.3	6.7
Pengangkutan dan penyimpanan	7.3	10.7	8.4	7.1
Makanan & minuman dan penginapan	5.3	6.2	9.5	6.6
Utiliti	4.2	3.6	0.8	1.7
Perkhidmatan lain	8.0	5.7	4.7	4.6
Perkhidmatan kerajaan	15.7	4.8	7.0	6.8
Perkhidmatan	100.0	5.3	5.1	5.2

¹ Anggaran

² Unjuran

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia


Subsektor perdagangan borong dan runcit meningkat sebanyak 4.3% pada separuh pertama 2025 dengan pertumbuhan yang berterusan terutamanya dalam segmen perdagangan borong dan runcit. Subsektor ini dijangka berkembang sebanyak 4.4% pada separuh kedua 2025 didorong oleh segmen perdagangan runcit berikutan penggunaan domestik dan perbelanjaan pelawat asing yang lebih tinggi. Sementara itu, pertumbuhan pendapatan yang stabil, peluasan inisiatif di bawah Payung Rahmah serta Penghargaan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) RM100 One-off akan terus memacu perbelanjaan isi rumah. Selain itu, segmen kenderaan bermotor dianggar mengalami penguncupan marginal

berikutan normalisasi jumlah keseluruhan industri (TIV) bagi jualan kenderaan baharu susulan daripada angka jualan tertinggi sebanyak 817,955 unit pada 2024¹. Walaupun jualan kenderaan baharu semakin perlahan, namun permintaan untuk kereta nasional kekal tinggi dan tempahan kenderaan elektrik (EV) terus meningkat. Justeru, industri automotif dijangka menyokong prestasi segmen ini sejajar dengan jumlah tempahan yang tinggi sepanjang tahun. Secara keseluruhan, subsektor ini dijangka mengekalkan pertumbuhan sebanyak 4.4% pada 2025.

Subsektor pengangkutan dan penyimpanan berkembang sebanyak 9% pada separuh pertama 2025 didorong oleh aktiviti perdagangan, perniagaan dan rekreasi yang rancak selaras dengan peningkatan dalam pelbagai segmen terutamanya segmen pengangkutan darat dan udara serta aktiviti sokongan berkaitan operasi lapangan terbang dan lebuhraya. Pada separuh kedua 2025, subsektor ini dijangka meningkat sebanyak 7.7% didorong oleh pertumbuhan positif dalam semua segmen. Bagi segmen pengangkutan darat, pertumbuhan jumlah trafik di lebuhraya bertol dan kadar penggunaan pengangkutan rel akan dipacu oleh tambahan cuti hujung minggu yang panjang. Segmen pengangkutan udara pula dijangka berkembang dengan pertambahan perkhidmatan penerbangan langsung ke pelbagai destinasi di Malaysia oleh syarikat penerbangan antarabangsa termasuk dari China dan Sri Lanka. Segmen pengangkutan air diunjur berkembang meskipun berdepan ketidakpastian perdagangan yang boleh mempengaruhi aliran perdagangan dan perkhidmatan perkapalan. Secara keseluruhan, subsektor ini dianggar berkembang sebanyak 8.4% pada 2025.

¹ Industri automotif dijangka kembali normal dengan TIV bagi jualan kenderaan baharu pada paras purata 750,000 unit dengan Persatuan Automotif Malaysia (MAA) menyasarkan jualan sebanyak 780,000 unit bagi 2025.

RAJAH 3.1. Penunjuk Terpilih Sektor Perkhidmatan

¹ Anggaran

Nota: Pelawat asing merangkumi pelancong dan pelawat harian

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia; Lapangan Terbang Antarabangsa Senai; Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia; Malaysia Airports Holding Berhad; dan tujuh pelabuhan utama (Bintulu, Johor, Klang, Kuantan, Kuching, Pulau Pinang dan Tanjung Pelepas)

Subsektor hartanah dan perkhidmatan perniagaan meningkat sebanyak 8.8% pada separuh pertama 2025 disokong oleh aktiviti profesional, saintifik dan teknikal yang rancak dalam segmen perkhidmatan perniagaan. Pertumbuhan ini dipacu oleh aktiviti berkaitan pembinaan khususnya daripada permintaan yang semakin meningkat bagi pusat data dan projek berkaitan tenaga boleh baharu. Subsektor ini dijangka berkembang sebanyak 5.8% pada separuh kedua 2025 berikutan permintaan berterusan terhadap perkhidmatan profesional. Insentif perumahan yang disediakan di bawah Belanjawan 2025 serta pengurangan Kadar Dasar Semalaman (OPR) juga dijangka menggalakkan permintaan harta tanah sekali gus menyokong pertumbuhan subsektor ini. Pada 2025, subsektor ini dijangka berkembang sebanyak 7.3%.

Subsektor kewangan dan insurans meningkat sebanyak 2.1% pada separuh pertama 2025 disumbangkan oleh pertumbuhan sederhana bagi kredit dan pendapatan berasaskan fi dalam segmen kewangan. Pertumbuhan ini turut dipengaruhi oleh peningkatan tuntutan yang telah mengimbangi pendapatan premium lebih tinggi dalam segmen insurans. Subsektor ini dijangka meningkat sebanyak 2.2% pada separuh kedua 2025 seiring dengan aktiviti ekonomi yang berterusan. Secara keseluruhan, subsektor ini dianggarkan berkembang sebanyak 2.1%.

Subsektor maklumat dan komunikasi berkembang sebanyak 3.5% pada separuh pertama 2025 dipacu oleh peningkatan permintaan terhadap kesalinghubungan digital dan perkhidmatan data dalam segmen telekomunikasi. Pertumbuhan subsektor ini dijangka meningkat sebanyak 3.6% pada separuh kedua 2025 sekali gus mendorong kepada pertumbuhan sebanyak 3.6% pada 2025.

Subsektor makanan & minuman dan penginapan meningkat sebanyak 8.4% pada separuh pertama 2025 didorong oleh kadar penginapan di hotel dan bilangan pelanggan di restoran yang tinggi. Subsektor ini dijangka berkembang sebanyak 10.5% pada separuh kedua 2025 susulan lonjakan ketara ketibaan pelawat asing sebanyak 17.9% pada separuh pertama 2025. Peningkatan ini dijangka disokong oleh kemasukan pelawat asing untuk tujuan perniagaan dan riadah seiring dengan penganjuran pelbagai acara mesyuarat, insentif, persidangan dan pameran (MICE) sempena Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025. Momentum pertumbuhan ini dipacu oleh akses yang lebih baik melalui dasar visa yang progresif dan penambahbaikan berterusan dalam kesalinghubungan serantau serta aktiviti promosi yang giat untuk VM2026. Subsektor ini dijangka mencatat pertumbuhan sebanyak 9.5% pada 2025.

Subsektor utiliti menyusut secara marginal sebanyak 0.01% pada separuh pertama 2025 disebabkan oleh penurunan penggunaan elektrik daripada segmen perindustrian susulan langkah berwaspada berikutan ketidakpastian tarif. Walau bagaimanapun, subsektor ini dijangka berkembang sebanyak 1.7% pada separuh kedua 2025 disokong oleh permintaan berterusan bagi penggunaan elektrik, air dan gas dalam segmen perindustrian dan komersial seiring dengan peningkatan aktiviti pengeluaran. Bagi keseluruhan tahun, subsektor ini dianggarkan mencatat pertumbuhan marginal sebanyak 0.8%.

Subsektor perkhidmatan lain berkembang sebanyak 5.1% pada separuh pertama 2025 terutamanya disokong oleh segmen penjagaan kesihatan swasta dan perkhidmatan swasta lain. Subsektor ini diunjur meningkat sebanyak 4.4% pada separuh kedua 2025 dipacu oleh pertumbuhan dalam segmen perkhidmatan

komuniti, sosial dan persendirian serta lain-lain perkhidmatan seiring dengan peningkatan aktiviti pelancongan. Secara keseluruhan, subsektor ini dijangka berkembang sebanyak 4.7% pada 2025.

Subsektor perkhidmatan kerajaan dijangka meningkat sebanyak 7.8% pada separuh kedua 2025 setelah merekodkan peningkatan sebanyak 6.2% pada separuh pertama. Pertumbuhan ini terutamanya dipacu oleh pelaksanaan fasa pertama pelarasan gaji penjawat awam di bawah Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA). Subsektor ini dijangka mencatat pertumbuhan sebanyak 7% pada 2025.

Sektor Pembuatan


Trajektori pertumbuhan yang berdaya tahan

Sektor **pembuatan** berkembang sebanyak 3.9% pada separuh pertama 2025 dipacu oleh pertumbuhan dalam industri berorientasikan eksport dan domestik. Industri berorientasikan eksport mendominasi prestasi separuh pertama dengan mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 4.8%. Peningkatan ini disokong oleh segmen E&E khususnya permintaan komponen berkaitan pusat data serta kemunculan aplikasi kecerdasan buatan di peranti hujung (*AI edge applications*). Sementara itu, industri berorientasikan domestik meningkat 2.2% sejajar dengan perbelanjaan berterusan oleh isi rumah dan aktiviti berkaitan pembinaan.

Pada separuh kedua 2025, sektor pembuatan dijangka mencatat pertumbuhan sebanyak 3.6% sejajar dengan prestasi stabil dalam semua subsektor. Peningkatan pelaburan dalam segmen semikonduktor serta pelaksanaan berterusan dasar sedia ada antaranya Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) dan Strategi Semikonduktor

Nasional (NSS) akan memperkukuh daya saing industri berorientasikan eksport melalui pengukuhan kluster perindustrian serta peluasan penggunaan teknologi digital. Di samping itu, peningkatan aktiviti dalam kluster berkaitan perlombongan juga akan menyokong pertumbuhan industri. Sementara itu, industri berorientasikan domestik akan terus disokong oleh penggunaan dalam negeri yang berdaya tahan khususnya dalam segmen barangan pengguna dan pembinaan. Permintaan terhadap produk berkaitan pengguna terutamanya dalam segmen makanan dan minuman serta pengangkutan akan dipacu oleh aktiviti pelancongan yang lebih rancak. Selain itu, pengeluaran bahan binaan seperti logam dan simen dijangka meningkat seiring dengan prestasi sektor pembinaan yang stabil. Secara keseluruhan, sektor pembuatan dianggarkan mencatat pertumbuhan sebanyak 3.8% pada 2025.

RAJAH 3.2. Output Sektor Pembuatan (% perubahan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

JADUAL 3.3. Indeks Pembuatan mengikut Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik, Januari – Julai 2024 dan 2025
(2015 = 100)

	INDEKS		PERUBAHAN (%)		BAHAGIAN (%)	
	2024	2025	2024	2025	2024	2025
Industri berorientasikan eksport	142.1	148.6	3.1	4.6	67.2	67.5
Pembuatan minyak dan lemak daripada sayuran dan haiwan	94.9	106.4	1.6	12.1	3.6	3.9
Pembuatan tekstil	118.1	114.3	3.9	-3.3	0.7	0.7
Pembuatan pakaian	125.9	127.3	2.2	1.1	0.8	0.8
Pembuatan kayu dan produk kayu dan gabus, kecuali perabot; pembuatan bagi artikel jerami dan bahan-bahan anyaman	117.7	120.5	2.7	2.4	1.7	1.7
Pembuatan kok dan produk petroleum bertapis	122.2	120.2	3.5	-1.6	11.8	11.2
Pembuatan kimia dan produk kimia	130.4	133.1	2.1	2.1	8.6	8.4
Pembuatan produk getah	189.2	193.4	6.8	2.2	4.3	4.3
Pembuatan produk plastik	130.2	132.9	4.8	2.1	3.0	3.0
Pembuatan komputer, produk elektronik dan optikal	170.6	184.2	2.9	8.0	24.4	25.4
Pembuatan kelengkapan elektrik	145.8	153.0	-1.0	4.9	3.3	3.3
Pembuatan jentera dan peralatan t.t.t.l. ¹	152.9	164.3	3.8	7.4	3.4	3.5
Pembuatan perabot	135.2	142.5	8.2	5.4	1.5	1.5
Industri berorientasikan domestik	141.5	145.9	6.2	3.1	32.8	32.5
Pembuatan produk proses makanan	170.8	186.5	4.7	9.2	6.5	6.8
Pembuatan minuman	140.3	150.9	6.0	7.5	0.9	1.0
Pembuatan produk tembakau	141.8	141.9	10.6	0.1	0.8	0.7
Pembuatan produk kulit dan barangan berkaitan	165.5	177.8	4.6	7.5	0.3	0.3
Pembuatan kertas dan produk kertas	147.8	146.0	4.0	-1.2	1.8	1.7
Percetakan dan penerbitan semula media rakaman	135.5	146.3	7.9	8.0	1.3	1.3
Pembuatan produk farmaseutikal asas, kimia perubatan dan botani	176.1	187.9	6.3	6.7	0.7	0.7
Pembuatan produk galian bukan logam lain	122.1	125.0	8.5	2.3	3.7	3.7
Pembuatan logam asas	128.5	134.5	5.2	4.7	3.1	3.1
Pembuatan produk logam yang direka, kecuali mesin dan kelengkapan	130.6	136.3	10.4	4.4	5.1	5.1
Pembuatan kenderaan bermotor, treler dan semi treler	159.3	148.0	3.8	-7.1	5.2	4.7
Pembuatan kelengkapan pengangkutan lain	105.8	104.5	4.4	-1.2	1.3	1.2
Pembuatan lain	124.4	128.2	3.9	3.0	1.0	0.9
Membaiki dan pemasangan jentera dan kelengkapan	144.9	157.2	5.9	8.5	1.1	1.2
Pembuatan	141.9	147.7	4.1	4.1	100.0	100.0

¹ Tidak terkelas di tempat lain

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Sektor Pertanian

Pertumbuhan dijangka menyederhana

Sektor **pertanian** meningkat sebanyak 1.4% pada separuh pertama 2025. Dalam tempoh tersebut, subsektor kelapa sawit iaitu penyumbang utama dalam sektor pertanian berkembang sebanyak 1.4% disokong oleh peningkatan pengeluaran minyak sawit mentah (MSM) khususnya dari Sabah dan Sarawak. Hasil buah tandan segar (BTS) yang lebih baik daripada estet kelapa sawit turut menyokong prestasi subsektor ini dipacu oleh penambahbaikan dalam pasaran buruh dan pengurusan agronomi serta peningkatan mekanisasi dalam aktiviti penuaian dan pengumpulan BTS. Selain itu, subsektor pertanian lain berkembang sebanyak 2.1% terutamanya didorong oleh peningkatan pengeluaran dalam segmen padi, sayur-sayuran dan buah-buahan. Subsektor ternakan mencatat pertumbuhan sederhana sebanyak 2% sebahagiannya disumbangkan oleh peningkatan pengeluaran dalam segmen telur dan ternakan lembu. Subsektor perikanan meningkat sebanyak 2.8% berikutan prestasi yang menggalakkan dalam segmen perikanan laut dan segmen akuakultur. Walau

bagaimanapun, subsektor getah mencatat penurunan secara marginal sebanyak 0.5% disebabkan oleh pengeluaran lebih rendah dalam segmen pekebun kecil. Subsektor perhutanan dan pembalakan juga menguncup sebanyak 7.6% apabila semua wilayah mencatat pengeluaran yang lebih rendah.

Pada separuh kedua 2025, sektor pertanian dijangka meningkat sebanyak 1% didorong oleh pertumbuhan dalam kebanyakan subsektor kecuali getah serta perhutanan dan pembalakan. Subsektor kelapa sawit dijangka berkembang terutamanya disokong oleh peningkatan berterusan hasil BTS susulan keadaan cuaca yang menggalakkan serta kecekapan operasi yang bertambah baik. Pertumbuhan dalam subsektor pertanian lain, perikanan dan ternakan disumbangkan oleh peningkatan pengeluaran dalam segmen padi, buah-buahan, akuakultur serta ternakan lembu. Selain itu, usaha untuk memperkukuh rantai bekalan makanan serta meningkatkan daya tahan dalam industri agromakanan dijangka memberikan sokongan kepada pertumbuhan subsektor tersebut. Pelaksanaan intensif Program Penanaman Padi Lima Musim dalam Tempoh Dua Tahun yang bertujuan meningkatkan pengeluaran padi negara juga dijangka terus memperkukuh sektor pertanian dalam usaha memastikan keterjaminan makanan. Secara keseluruhan, sektor pertanian dianggar meningkat sebanyak 1.2% pada 2025.

JADUAL 3.4. *Prestasi Sektor Pertanian, 2024 – 2026*
(pada harga malar 2015)

	BAHAGIAN (%)	PERUBAHAN (%)		
	2025 ²	2024	2025 ²	2026 ³
Kelapa sawit	36.8	5.1	1.4	3.4
Pertanian lain ¹	29.0	1.3	2.1	2.0
Ternakan	16.9	3.3	1.5	1.8
Perikanan	11.5	2.9	2.0	1.1
Perhutanan dan pembalakan	4.1	-5.4	-5.2	-4.4
Getah	1.7	10.5	-6.7	7.0
Pertanian	100.0	3.1	1.2	2.2

¹ Termasuk padi, buah-buahan, sayur-sayuran, kelapa, tembakau, teh, bunga, lada, koko dan nanas

² Anggaran

³ Unjuran

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Sektor Perlombongan

Prospek yang lebih baik

Sektor **perlombongan** menguncup sebanyak 3.9% pada separuh pertama 2025 disebabkan oleh prestasi lemah dalam semua subsektor. Subsektor gas asli merosot sebanyak 5% dipengaruhi oleh pengeluaran lebih rendah di semua wilayah. Subsektor minyak mentah dan kondensat menyusut sebanyak 3.1% akibat gangguan bekalan khususnya di Sabah. Sementara itu, subsektor perlombongan lain & pengkuarian dan perkhidmatan sokongan

berkurang secara marginal sebanyak 0.5% terutamanya aktiviti perlahan dalam segmen perkhidmatan sokongan.

Sektor perlombongan dijangka kembali pulih dengan pertumbuhan 6.2% pada separuh kedua 2025 disokong oleh pengeluaran lebih tinggi dalam subsektor gas asli. Pertumbuhan ini didorong oleh penstabilan operasi di medan gas Kasawari dan Jerun di Sarawak. Prestasi subsektor minyak mentah dan kondensat juga dijangka mencatat pertumbuhan berikutan peningkatan pengeluaran dari Sabah dan Sarawak. Subsektor perlombongan lain & pengkuarian dan perkhidmatan sokongan turut diunjur berkembang dipacu oleh peningkatan aktiviti dalam segmen perkhidmatan sokongan. Secara keseluruhan, sektor ini dianggar berkembang sebanyak 1.1% pada 2025. Dari segi harga, purata minyak mentah Brent dijangka berada pada sekitar USD70 setong meskipun berdepan peningkatan ketidaktentuan geopolitik.

Sektor Pembinaan

Asas yang kukuh untuk pertumbuhan

Sektor **pembinaan** mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 13.1% pada separuh pertama 2025 dipacu oleh prestasi positif dalam semua subsektor. Pertumbuhan pesat dalam subsektor bangunan bukan kediaman didorong oleh sebahagian besar pelaksanaan projek pelaburan swasta seperti kemudahan perindustrian, kompleks komersial dan pusat data sejajar dengan aktiviti perniagaan yang berterusan serta peningkatan tahap digitalisasi. Subsektor bangunan kediaman pula terus berkembang stabil disokong oleh permintaan berterusan terhadap perumahan mampu milik dan pelaksanaan inisiatif kerajaan bagi menggalakkan pemilikan rumah. Sementara itu, pertumbuhan dalam subsektor aktiviti pembinaan khas dipacu oleh aktiviti infrastruktur telekomunikasi dan kerja penambakan pesisir pantai. Subsektor

kejuruteraan awam turut berkembang berikutan pelaksanaan projek infrastruktur utama seperti Lebuhraya Pan Borneo Sabah dan Rapid Transit System Link (RTS Link).

Sektor ini dijangka meneruskan momentum positif pada separuh kedua 2025 dengan unjuran pertumbuhan sebanyak 7.3%. Subsektor kejuruteraan awam dijangka terus berkembang dipacu oleh pelaksanaan projek infrastruktur berskala besar di akhir tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025 (RMKe-12). Penerusan projek seperti Sarawak Sabah Link Road (SSLR) akan menyumbang kepada pertumbuhan subsektor ini. Sementara itu, pelaburan dalam pembangunan pusat data di Johor dan Selangor serta bangunan perindustrian akan terus mengukuhkan subsektor bangunan bukan kediaman. Subsektor bangunan kediaman diunjur berkembang didorong oleh pelancaran baharu projek perumahan mampu milik dan pasaran pertengahan serta pembangunan perbandaran bersepadu dalam koridor utama di samping persekitaran pembiayaan yang kondusif. Secara keseluruhan, sektor ini dianggar mencatat pertumbuhan sebanyak 10.1% pada 2025.

Permintaan Domestik

Permintaan domestik kekal memacu pertumbuhan

Permintaan domestik yang dipacu oleh sektor swasta kekal kukuh dan terus menerajui prestasi ekonomi secara keseluruhan. Pertumbuhan pada separuh pertama 2025 merekodkan peningkatan sebanyak 6.5% dan diunjur berkembang 5.8% pada separuh kedua 2025. Prestasi ini akan disokong oleh peningkatan perbelanjaan sektor swasta yang dianggar berkembang sebanyak 6.1% pada 2025 dengan menyumbang sebanyak 4.7 mata peratusan (ppt) kepada pertumbuhan KDNK. Sementara itu, perbelanjaan sektor awam dijangka meningkat sebanyak 6.3% dan menyumbang sekitar 1.1 ppt kepada pertumbuhan KDNK.

JADUAL 3.5. *Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Permintaan Agregat, 2024 – 2026 (pada harga malar 2015)*

	BAHAGIAN (%)	PERUBAHAN (%)		
	2025 ²	2024	2025 ²	2026 ³
Permintaan domestik	96.7	6.5	6.1	5.4
Perbelanjaan swasta	78.3	6.6	6.1	5.7
Penggunaan	60.9	5.1	5.0	5.1
Pelaburan	17.4	12.3	10.0	7.8
Perbelanjaan awam	18.3	6.3	6.3	4.4
Penggunaan	13.1	4.7	4.0	3.2
Pelaburan	5.2	11.1	12.7	7.3
Sektor luar negeri¹	3.4	9.2	-15.0	-32.0
Eksport	66.4	8.3	1.9	3.8
Import	63.0	8.2	3.1	5.8
KDNK	100.0	5.1	4.0 – 4.8	4.0 – 4.5

¹ Barangan dan perkhidmatan bukan faktor

² Anggaran

³ Unjuran

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran dan tidak termasuk komponen perubahan dalam stok

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Pada separuh pertama 2025, **penggunaan swasta** berkembang sebanyak 5.2% dan dijangka mengekalkan momentum dengan anggaran pertumbuhan tahunan 5%. Perbelanjaan isi rumah dijangka mendapat manfaat daripada pendapatan boleh guna yang lebih tinggi berikutan aktiviti ekonomi domestik yang berterusan, pasaran buruh yang menggalakkan dan tekanan inflasi yang mereda. Peningkatan pendapatan turut disokong oleh langkah dasar berkaitan upah termasuk pelarasan gaji penjawat awam di bawah SSPA dan pelaksanaan gaji minimum yang lebih tinggi. Di samping itu, Kerajaan menyediakan sokongan tambahan kepada perbelanjaan pengguna melalui pemberian Penghargaan SARA RM100 One-off serta peluasan inisiatif di bawah Payung Rahmah. Penganjuran acara nasional dan serantau utama seperti Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025, Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi (LIMA) 2025 dan kempen promosi sempena VM2026 dijangka terus menggalakkan aktiviti berkaitan pelancongan dan mengukuhkan penggunaan domestik.


Pelaburan swasta mencatat pertumbuhan 10.6% pada separuh pertama 2025 dan dijangka mengekalkan momentum dengan peningkatan sebanyak 10% bagi keseluruhan tahun. Pertumbuhan ini disokong oleh realisasi projek berbilang tahun daripada pelaburan diluluskan yang tinggi (2023: RM329.5 bilion; 2024: RM384.4 bilion) serta aliran modal yang kukuh dalam projek berkaitan semikonduktor dan pusat data. Pelaburan ini tertumpu di hab strategik khususnya di Bayan Lepas, Pulau Pinang; Cyberjaya, Selangor; dan Iskandar Puteri, Johor. Momentum ini turut disokong melalui Program Pengaktifan dan Reformasi Syarikat Berkaitan Kerajaan (GEAR-up) yang telah menggerakkan pelaburan bernilai RM11 bilion dalam projek pertumbuhan dan nilai tinggi (HGHV) sehingga Jun 2025. Selain itu, pembangunan strategik seperti peluasan Kulim Hi-Tech Park (KHTP) dan penubuhan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) dijangka mengukuhkan lagi kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelaburan pilihan di rantau ini. Inisiatif tersebut serta pelaksanaan dasar strategik nasional akan memperkukuh trajektori pertumbuhan pelaburan swasta pada tahun mendatang.

Penggunaan awam berkembang sebanyak 5.3% pada separuh pertama 2025 dan dianggarkan meningkat sederhana sebanyak 4% bagi keseluruhan tahun. Pertumbuhan ini terutamanya dipacu oleh perbelanjaan emolument yang lebih tinggi susulan pelaksanaan SSPA. Perbelanjaan bagi perkhidmatan dan bekalan turut menyokong pertumbuhan sekali gus memastikan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam terus diperkemas. Penggubalan Rang Undang-Undang Perolehan Kerajaan 2025 menunjukkan komitmen Kerajaan untuk memperkukuh tatakelola, meningkatkan ketelusan serta menerapkan prinsip nilai untuk wang dalam amalan perolehan. Usaha tersebut serta langkah penambahbaikan berterusan proses perolehan mencerminkan pendekatan fiskal yang berdisiplin dan berhemat dalam mengimbangi keperluan kecekapan operasi serta kemampuan kewangan awam.

Pelaburan awam berkembang kukuh sebanyak 12.6% pada separuh pertama 2025 dan dijangka mengekalkan pertumbuhan dua angka sebanyak 12.7% bagi keseluruhan tahun. Prestasi ini terutamanya disokong oleh perbelanjaan modal yang berterusan oleh syarikat awam bukan kewangan (SABK) dan Kerajaan Persekutuan. Pemacu utama termasuk pelaksanaan projek berterusan melibatkan inisiatif infrastruktur berskala besar seperti Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), Lebuhraya Pan Borneo Sabah, Lingkaran Tengah Utama dan SSLR bagi mempertingkatkan keterhubungan serta menyokong pertumbuhan ekonomi jangka masa panjang. Entiti SABK terus mengekalkan pelaburan dalam industri minyak dan gas dengan peningkatan ketara dalam sektor tenaga. Pelaburan industri minyak dan gas tertumpu kepada projek utama gas dan maritim, hiliran serta tenaga bersih. Pada masa yang sama, sektor tenaga memfokuskan kepada inisiatif tenaga boleh baharu termasuk solar berskala besar, kuasa hidro dan sistem Photovoltaic Hybrid Hydro-Floating Solar (HHFS). Secara keseluruhan, usaha ini bertujuan memperkukuh keselamatan tenaga negara dan menyokong peralihan Malaysia ke arah ekonomi rendah karbon. Inisiatif tersebut juga mencerminkan strategi bersepadu untuk memanfaatkan pelaburan awam sebagai pemangkin pertumbuhan yang mampan dan terangkum.

Pendapatan negara kasar (PNK) pada harga semasa dijangka berkembang sebanyak 5% pada 2025 mencerminkan peningkatan berterusan aktiviti ekonomi domestik. Seterusnya, tabungan negara kasar (TNK) dianggarkan menyumbang sebanyak 23.4% daripada PNK dan jumlah pelaburan dijangka merekodkan sebanyak 21.7%. **Jurang tabungan-pelaburan** diunjur kekal mencatat lebih sebanyak RM34.3 bilion atau 1.7% daripada PNK membolehkan negara membiayai pelaburan terutamanya daripada sumber domestik.

RAJAH 3.3. Jurang Tabungan – Pelaburan
(% daripada PNK)



¹ Anggaran

² Unjuran

³ Termasuk perubahan dalam stok

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Pendapatan

Perkongsian manfaat pertumbuhan ekonomi kekal mencabar

Pertumbuhan KDNK pada harga semasa meningkat kukuh sebanyak 5.9% mencecah RM1,932.3 bilion pada 2024 berikutan pertumbuhan positif dalam semua komponen pendapatan. Komponen **pampasan pekerja**² (PP) meningkat sebanyak 6.1% kepada RM648.5 bilion. Pencapaian ini didorong oleh momentum pertumbuhan guna tenaga dan gaji yang kukuh seiring dengan peningkatan produktiviti serta pelaksanaan awal inisiatif gaji progresif. Bahagian PP daripada KDNK meningkat kepada 33.6% walaupun masih di bawah sasaran 40% seperti yang ditetapkan di bawah RMKe-12. Pada 2025, PP dijangka

² Termasuk saraan, wang tunai atau bukan berbentuk wang serta caruman sosial majikan yang dibayar untuk pekerja.

meningkat sebanyak 7.1% disokong oleh pelaksanaan dasar berkaitan gaji seperti gaji minimum RM1,700, peluasan pelaksanaan Dasar Gaji Progresif serta pelarasan gaji penjawat awam yang seterusnya dapat meningkatkan lagi pendapatan. Justeru, jumlah bahagian pendapatan pekerja dijangka mencapai 34.4% dipacu oleh

pendapatan daripada sektor perkhidmatan (62.5%) khususnya industri perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan; serta perkhidmatan lain (termasuk perkhidmatan kerajaan). Sementara itu, sektor pembuatan terutamanya produk elektrik, elektronik dan optikal menyumbang 22.1%.

JADUAL 3.6. *Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Komponen Pendapatan, 2023 – 2026*

	BAHAGIAN (%)				PERUBAHAN (%)			
	2023	2024	2025 ¹	2026 ²	2023	2024	2025 ¹	2026 ²
Pampasan pekerja	33.5	33.6	34.4	34.9	4.6	6.1	7.1	6.9
Lebihan kendalian kasar	64.3	63.7	62.2	60.8	-2.1	5.0	1.8	3.1
Lebihan kendalian	48.9	48.3	45.8	43.6	-5.7	4.5	-1.0	0.5
Pendapatan campuran	15.4	15.5	16.4	17.2	11.1	6.6	10.4	10.6
Cukai tolak subsidi	2.2	2.7	3.4	4.3	215.4	29.3	30.4	33.5
KDNK pada harga pembeli	100.0	100.0	100.0	100.0	1.6	5.9	4.3	5.5

¹ Anggaran

² Unjuran

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

JADUAL 3.7. *Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Komponen Pendapatan bagi Negara Terpilih, 2022 – 2024*

	PAMPASAN PEKERJA			LEBIHAN KENDALIAN KASAR			CUKAI TOLAK SUBSIDI		
	2022	2023	2024	2022	2023	2024	2022	2023	2024
	BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)								
Malaysia	32.5	33.5	33.6	66.7	64.3	63.7	0.7	2.2	2.7
Filipina	36.1	35.2	34.6	55.4	57.0	56.7	8.5	7.8	8.7
Singapura	34.9	38.8	37.8	59.8	54.6	54.9	5.3	6.6	7.3
Republik Korea	47.5	48.6	48.2	43.0	43.0	43.5	9.5	8.4	8.4
Australia	46.0	45.9	47.4	45.2	44.8	43.0	8.8	9.4	9.6
Belanda	45.8	45.9	46.3	44.4	44.5	43.9	9.8	9.7	9.9
Kanada	48.6	50.3	50.9	41.3	39.3	38.9	10.1	10.4	10.2
United Kingdom	49.2	49.4	49.8	39.6	40.2	39.4	11.2	10.4	10.8
Amerika Syarikat	51.6	51.7	51.9	41.8	41.8	41.7	6.6	6.5	6.5
Jerman	52.8	53.3	54.7	38.0	38.5	36.3	9.2	8.2	9.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Lebih kendalian kasar³ (LKK) melonjak sebanyak 5% dan kekal sebagai komponen pendapatan terbesar berjumlah RM1,231.5 bilion walaupun bahagian daripada KDNK berkurang kepada 63.7% pada 2024. Peningkatan dalam pertumbuhan pendapatan pemilik modal didorong oleh pemulihan keuntungan margin daripada industri berasaskan komoditi, sektor pembinaan dan pembuatan serta sektor perkhidmatan yang stabil. Di samping itu, pendapatan campuran⁴ turut mencatat pertumbuhan menggalakkan sebanyak 6.6% disokong oleh permintaan domestik yang kukuh serta pertambahan penyertaan golongan bekerja sendiri termasuk perusahaan tidak diperbadankan dalam ekonomi. Pada 2025, pendapatan daripada keuntungan akan disokong oleh kos pembiayaan yang lebih rendah, penggunaan swasta yang kukuh dan aktiviti pelaburan yang rancak di bawah inisiatif strategik negara. Sementara itu, enakmen Rang Undang-undang Pekerja Gig 2025 dijangka dapat mewujudkan persekitaran lebih kondusif seterusnya menyediakan perlindungan sosial dan meningkatkan lagi peluang pendapatan kepada golongan bekerja sendiri. Sehubungan itu, bahagian pendapatan campuran dijangka meningkat kepada 16.4%. Secara keseluruhan, bahagian LKK dijangka mencatat 62.2% pada 2025.

Komponen **cukai bersih**⁵ menyumbang 2.7% daripada KDNK pada 2024 didorong oleh peningkatan ketara sebanyak 13.8% dalam hasil cukai berbanding peningkatan kecil (0.2%) dalam perbelanjaan subsidi dan insentif. Peluasan SST dan pengurusan cukai yang lebih cekap khususnya melalui pelaksanaan e-invois dijangka meningkatkan lagi hasil daripada pengeluaran dan import pada 2025.

Di samping itu, pengurangan ketara dalam perbelanjaan subsidi dan insentif sebanyak 18.8% terutamanya bagi subsidi bahan api dijangka akan meningkatkan cukai bersih sebanyak 30.4% pada 2025. Justeru, bahagian keseluruhan cukai bersih ke atas pengeluaran dan import dianggarkan mencatat 3.4% daripada KDNK.

Sektor Luar Negeri

Pertumbuhan yang berdaya tahan

Prestasi Perdagangan

Jumlah dagangan dianggar berkembang sebanyak 3.9% kepada RM2,991.5 bilion pada 2025. Peningkatan ini disokong oleh persekitaran perdagangan global yang stabil dan eksport Malaysia kekal berdaya tahan meskipun berdepan ketidaktentuan perdagangan dan geostrategik.

Eksport kasar dijangka meningkat sebanyak 3.3% pada 2025 disokong oleh kitaran menaik teknologi global yang berterusan dipacu oleh produk E&E dan permintaan stabil daripada ekonomi maju. Eksport barangan pembuatan dianggar berkembang sebanyak 4.1% berikutan permintaan tinggi bagi produk E&E yang meningkat sebanyak 11.3%. Peningkatan ini disumbangkan oleh permintaan lebih kukuh bagi semikonduktor dan aktiviti perdagangan yang dilakukan lebih awal (*front-loading*) berikutan pengenaan tarif. Semikonduktor merupakan penyumbang utama iaitu melebihi 60% daripada eksport produk E&E diikuti oleh peralatan pemprosesan data automatik dan kelengkapan peralatan telekomunikasi. Sementara itu, eksport produk bukan E&E dijangka menyusut sebanyak 2.3% terutamanya

³ Terdiri daripada lebih kendalian kepada pemilik modal dan pendapatan campuran.

⁴ Pendapatan campuran meliputi elemen ganjaran yang tidak diketahui bagi kerja yang dijalankan oleh pemilik enterpris atau ahli isi rumah serta lebih kendalian hasil daripada pengeluaran.

⁵ Terdiri daripada cukai ke atas produk dan cukai lain ke atas pengeluaran ditolak subsidi ke atas produk dan subsidi lain ke atas pengeluaran.

bagi produk petroleum; kimia dan produk kimia; serta produk besi dan keluli disebabkan oleh permintaan lebih perlahan dalam kalangan rakan dagang utama.

Selain itu, eksport barangan pertanian dianggarkan berkembang sebanyak 5% disumbangkan oleh permintaan lebih tinggi terutamanya bagi minyak sawit dan produk pertanian berasaskan minyak sawit sebanyak 5.1% serta pertanian lain sebanyak 7.5%.

Permintaan lebih tinggi khususnya daripada Afghanistan, Filipina, Mauritania, Sri Lanka dan Kenya dijangka meningkatkan eksport minyak sawit sebanyak 3%. Walau bagaimanapun, eksport barangan perlombongan dianggarkan menyusut sebanyak 9.9% disebabkan oleh permintaan global yang merosot bagi LNG sebanyak 11.2% dan petroleum mentah sebanyak 17.5% berikutan kepelbagaian pasaran dan produk pengganti oleh rakan dagang utama.

JADUAL 3.8. *Perdagangan Luar Negeri, 2024 – 2026*

	RM JUTA			PERUBAHAN (%)		
	2024	2025 ¹	2026 ²	2024	2025 ¹	2026 ²
Jumlah dagangan	2,879,528	2,991,500	3,090,832	9.2	3.9	3.3
Eksport kasar	1,509,291	1,558,664	1,602,556	5.8	3.3	2.8
<i>antaranya:</i>						
Barangan pembuatan	1,289,189	1,341,511	1,381,521	6.0	4.1	3.0
Barangan pertanian	105,786	111,026	114,703	11.6	5.0	3.3
Barangan perlombongan	103,892	93,593	93,238	-2.1	-9.9	-0.4
Import kasar	1,370,237	1,432,836	1,488,276	13.1	4.6	3.9
<i>antaranya:</i>						
Barangan perantaraan	749,247	737,976	768,613	20.7	-1.5	4.2
Barangan modal	166,098	206,851	215,654	29.0	24.5	4.3
Barangan penggunaan	117,414	118,440	123,079	12.8	0.9	3.9
Imbangan dagangan	139,053	125,828	114,280	-35.4	-9.5	-9.2

¹ Anggaran

² Unjuran

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran

Sumber: Jabatan Perangkaan, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia dan Kementerian Kewangan Malaysia

JADUAL 3.9. *Eksport Kasar, Januari – Ogos 2024 dan 2025*

	RM JUTA		PERUBAHAN (%)		BAHAGIAN (%)	
	2024	2025	2024	2025	2024	2025
Barangan pembuatan	848,127	892,269	6.0	5.2	85.4	86.5
Barangan pertanian	66,976	71,806	9.5	7.2	6.7	7.0
Barangan perlombongan	71,034	59,220	3.1	-16.6	7.2	5.7
Lain-lain ¹	6,592	8,392	20.0	27.3	0.7	0.8
Eksport kasar	992,729	1,031,687	6.1	3.9	100.0	100.0

¹ Termasuk sisa dan bahan buangan emas; pakaian terpakai; dan urus niaga khas tidak disenarai

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

JADUAL 3.10. Eksport Barangan Pembuatan,
Januari – Ogos 2024 dan 2025

	RM JUTA		PERUBAHAN (%)		BAHAGIAN (%)	
	2024	2025	2024	2025	2024	2025
E&E	384,142	446,931	0.9	16.3	45.3	50.1
Bukan E&E	463,985	445,338	10.6	-4.0	54.7	49.9
Produk petroleum	90,938	68,697	-5.8	-24.5	10.7	7.7
Kimia dan produk kimia	49,088	43,782	4.5	-10.8	5.8	4.9
Pembuatan barangan logam	41,582	41,461	10.6	-0.3	4.9	4.6
Jentera, kelengkapan dan peralatan	45,139	51,778	24.1	14.7	5.3	5.8
Barangan optik dan saintifik	39,525	40,958	11.2	3.6	4.7	4.6
Produk pembuatan berasaskan minyak sawit	23,236	26,568	13.4	14.3	2.7	3.0
Produk getah	17,134	16,463	22.5	-3.9	2.0	1.8
Barangan makanan diproses	22,719	25,768	19.2	13.4	2.7	2.9
Produk besi dan keluli	23,445	18,038	16.5	-23.1	2.8	2.0
Kelengkapan pengangkutan	12,485	12,628	10.8	1.1	1.5	1.4
Tekstil, pakaian dan kasut	11,785	10,949	11.7	-7.1	1.4	1.2
Barangan pembuatan plastik	11,587	11,484	10.8	-0.9	1.4	1.3
Produk kayu	10,257	9,816	8.5	-4.3	1.2	1.1
Produk galian bukan logam	8,402	9,294	3.7	10.6	1.0	1.0
Barang kemas	5,998	6,852	20.1	14.2	0.7	0.8
Produk kertas dan pulpa	9,450	8,609	30.6	-8.9	1.1	1.0
Minuman dan tembakau	2,009	1,890	-0.8	-5.9	0.2	0.2
Produk pembuatan lain	39,205	40,303	35.9	2.8	4.6	4.5
Eksport barangan pembuatan	848,127	892,269	6.0	5.2	100.0	100.0

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

RAJAH 3.4. Rakan Dagang 10 Teratas,
Januari – Ogos 2025
(% bahagian)

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

Import kasar dijangka meningkat sebanyak 4.6% pada 2025 terutamanya disumbangkan oleh import barangan modal dan barangan penggunaan khususnya bagi aktiviti berkaitan pusat data dan pengangkutan serta perbelanjaan swasta yang rancak. Import barangan modal yang merangkumi 14.4% daripada jumlah import dianggarkan melonjak sebanyak 24.5% didorong oleh pelaburan berterusan dalam perindustrian dan infrastruktur yang sebahagiannya dipacu

oleh peningkatan permintaan bagi pusat data. Barangan penggunaan dengan bahagian sebanyak 8.3% juga dijangka berkembang secara marginal sebanyak 0.9% berikutan peralihan pilihan pengguna dan permintaan lebih tinggi untuk produk tempatan. Sementara itu, import barangan perantaraan yang menyumbang bahagian tertinggi iaitu 51.5% dianggarkan menguncup sebanyak 1.5% apabila pemain industri menggunakan inventori sedia ada.

JADUAL 3.11. *Import Barangan mengikut Penggunaan Akhir, Januari – Ogos 2024 dan 2025*

	RM JUTA		PERUBAHAN (%)		BAHAGIAN (%)	
	2024	2025	2024	2025	2024	2025
Barangan modal	106,224	141,276	35.9	33.0	11.6	14.9
Barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	100,934	131,266	43.0	30.1	11.1	13.9
Kelengkapan pengangkutan (perindustrian)	5,291	10,010	-30.2	89.2	0.6	1.1
Barangan perantaraan	503,575	479,102	26.2	-4.9	55.2	50.7
Makanan dan minuman, utama dan diproses, khusus untuk industri	21,890	25,305	8.7	15.6	2.4	2.7
Bahan api dan pelincir, utama, diproses dan lain-lain	80,587	62,947	17.8	-21.9	8.8	6.7
Bekalan perindustrian, utama, diproses dan t.d.t.l. ¹	209,869	190,107	14.6	-9.4	23.0	20.1
Alat ganti dan aksesori barangan modal dan kelengkapan pengangkutan	191,228	200,742	50.3	5.0	21.0	21.2
Barangan penggunaan	78,646	77,912	17.3	-0.9	8.6	8.2
Makanan dan minuman, utama dan diproses, khusus untuk isi rumah	36,636	35,047	18.0	-4.3	4.0	3.7
Kelengkapan pengangkutan (bukan perindustrian)	1,127	1,285	13.1	14.0	0.1	0.1
Barangan pengguna lain	40,883	41,580	16.8	1.7	4.5	4.4
Barangan tahan lama	11,726	12,704	32.1	8.3	1.3	1.3
Barangan separa tahan lama	12,837	13,007	14.1	1.3	1.4	1.4
Barangan tidak tahan lama	16,321	15,869	9.8	-2.8	1.8	1.7
Lain-lain	32,697	22,557	20.7	-31.0	3.6	2.4
Eksport semula	191,424	224,770	-9.1	17.4	21.0	23.8
Import kasar	912,565	945,617	16.7	3.6	100.0	100.0

¹ Tidak disenarai di tempat lain

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Imbangan Pembayaran

Pada separuh pertama 2025, lebih akaun semasa **imbangan pembayaran** direkodkan sebanyak RM17 bilion atau 1.8% daripada PNK. Lebihan ini disumbangkan oleh aliran masuk bersih lebih tinggi dalam akaun barangan serta defisit lebih kecil dalam akaun perkhidmatan dan akaun pendapatan. Momentum ini dijangka berterusan pada separuh kedua 2025 dan mencatat lebih akaun semasa sebanyak RM17.3 bilion atau 1.7% daripada PNK. Lebihan akaun semasa pada 2025 dianggar meningkat kepada RM34.3 bilion atau 1.7% daripada PNK.

Akaun barangan dijangka mencatat lebihan lebih kecil sebanyak RM112.5 bilion pada 2025 disebabkan oleh peningkatan import barangan modal dan kenaikan marginal dalam import barangan penggunaan walaupun terdapat penyusutan dalam import barangan perantaraan. Import barangan yang lebih tinggi terutamanya didorong oleh prestasi stabil dalam pembentukan modal tetap kasar (GFCF) berikutan pelaburan berterusan dalam perindustrian dan infastruktur.

Walau bagaimanapun, import yang semakin meningkat diimbangi oleh peningkatan eksport barangan pembuatan dan barangan pertanian.

Sementara itu, akaun perkhidmatan dianggar mencatat defisit lebih kecil sebanyak RM7.6 bilion disumbangkan oleh prestasi rancak dalam akaun perjalanan yang mengimbangi defisit lebih tinggi dalam akaun pengangkutan dan akaun perkhidmatan lain. Akaun perjalanan dijangka mencatat lebihan lebih tinggi sebanyak RM48.7 bilion disokong oleh pelbagai strategi kerajaan untuk menggalakkan aktiviti pelancongan seterusnya meningkatkan ketibaan pelawat asing lebih tinggi khususnya sempena Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025. Aktiviti pelancongan yang semakin berkembang dijangka memberikan impak positif kepada industri perjalanan udara melalui peningkatan kekerapan penerbangan dan laluan baharu penerbangan langsung. Tambahan pula, syarikat pengangkutan domestik dijangka merekodkan pendapatan lebih tinggi berikutan tambang penerbangan dan caj pengangkutan yang kompetitif serta fi yang dijana daripada

JADUAL 3.12. *Akaun Semasa Imbangan Pembayaran, 2024 – 2026*
(RM juta)

	2024			2025 ¹			2026 ²		
	TERIMAAN	BAYARAN	BERSIH	TERIMAAN	BAYARAN	BERSIH	TERIMAAN	BAYARAN	BERSIH
Imbangan barangan dan perkhidmatan	1,378,518	1,275,728	102,790	1,414,973	1,310,088	104,884	1,477,692	1,379,371	98,322
Barangan	1,135,655	1,021,193	114,462	1,150,495	1,037,967	112,527	1,190,406	1,092,150	98,255
Perkhidmatan	242,863	254,535	-11,672	264,479	272,121	-7,642	287,286	287,221	65
Pengangkutan	34,631	64,828	-30,197	35,662	67,211	-31,549	37,123	69,893	-32,770
Perjalanan	95,315	57,936	37,379	108,460	59,801	48,658	119,536	65,325	54,210
Perkhidmatan lain	112,916	131,770	-18,854	120,357	145,109	-24,752	130,627	152,003	-21,376
Pendapatan primer	91,793	157,903	-66,111	87,976	143,691	-55,715	92,783	154,364	-61,581
Pampasan pekerja	7,353	17,294	-9,941	7,340	17,145	-9,805	8,959	20,633	-11,674
Pendapatan pelaburan	84,440	140,610	-56,170	80,637	126,546	-45,910	83,825	133,731	-49,907
Pendapatan sekunder	39,127	48,090	-8,963	36,465	51,383	-14,918	37,943	51,467	-13,523
Imbangan akaun semasa	1,509,437	1,481,721	27,716	1,539,415	1,505,162	34,254	1,608,419	1,585,201	23,218
% daripada PNK			1.5			1.7			1.1

¹ Anggaran

² Unjuran

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

aktiviti lapangan terbang dan pelabuhan. Walau bagaimanapun, pertumbuhan bayaran dalam akaun pengangkutan dijangka mengatasi peningkatan terimaan berikutan kebergantungan berterusan terhadap penyedia pengangkutan asing. Oleh itu, akaun pengangkutan dijangka mencatat defisit lebih besar sebanyak RM31.5 bilion pada 2025. Akaun perkhidmatan lain juga dianggar merekodkan aliran keluar bersih lebih tinggi sebanyak RM24.8 bilion pada 2025 disebabkan oleh peningkatan bayaran perkhidmatan pembuatan bagi input fizikal dimiliki pihak lain; perkhidmatan telekomunikasi, komputer dan maklumat; caj penggunaan harta intelek; serta perkhidmatan perniagaan lain.


Akaun pendapatan primer dijangka mencatat aliran keluar bersih lebih rendah sebanyak RM55.7 bilion pada 2025 berikutan defisit lebih kecil dalam akaun pendapatan pelaburan dan pampasan pekerja. Aliran keluar bersih lebih kecil sebanyak RM45.9 bilion dalam akaun pendapatan pelaburan terutamanya disumbangkan oleh penghantaran balik keuntungan dan dividen yang lebih rendah oleh pelabur asing di Malaysia dalam akaun pelaburan langsung. Defisit dalam pampasan pekerja juga dijangka mengecil kepada RM9.8 bilion berikutan bayaran lebih rendah kepada profesional bukan pemastautin di Malaysia.

Akaun pendapatan sekunder dijangka mencatat aliran keluar bersih lebih tinggi sebanyak RM14.9 bilion pada 2025. Defisit semakin meningkat disebabkan oleh kiriman wang keluar lebih tinggi oleh pekerja dan entiti bukan residen yang dijangka mencecah RM51.4 bilion. Peningkatan ini juga sejajar dengan pelaksanaan gaji minimum yang diumumkan dalam Belanjawan 2025. Walau bagaimanapun, terimaan dalam akaun pendapatan sekunder dianggar merosot kepada RM36.5 bilion disebabkan oleh kiriman wang masuk lebih rendah oleh rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara.

Pada separuh pertama 2025, akaun kewangan mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM22.5 bilion. Defisit ini disebabkan oleh perubahan daripada aliran masuk bersih kepada aliran keluar bersih dalam akaun

pelaburan lain dan akaun derivatif kewangan. Akaun pelaburan lain mencatat aliran keluar bersih berjumlah RM4.5 bilion terutamanya disebabkan oleh aktiviti antara bank. Akaun derivatif kewangan turut merekodkan aliran keluar bersih sebanyak RM0.4 bilion. Walau bagaimanapun, aliran keluar bersih dalam akaun kewangan diimbangi oleh peningkatan dalam akaun pelaburan langsung dan akaun pelaburan portfolio. Dalam tempoh tersebut, lebih dalam akaun pelaburan langsung meningkat kepada RM14.3 bilion dan akaun pelaburan portfolio merekodkan defisit lebih kecil berjumlah RM31.9 bilion. Sementara itu, Malaysia mencatat aliran masuk bersih lebih tinggi dalam FDI iaitu RM17.2 bilion terutamanya disalurkan dalam aktiviti kewangan dan insurans/takaful; sektor maklumat dan komunikasi; serta sektor pengangkutan dan penyimpanan. Aliran keluar bersih pelaburan langsung ke luar negara oleh syarikat Malaysia menyusut kepada RM2.9 bilion terutamanya bagi aktiviti kewangan dan insurans/takaful; sektor perlombongan dan pengkuarian; serta sektor pembinaan.

RAJAH 3.5. Rizab Antarabangsa



Sumber: Bank Negara Malaysia

RENCANA 3.1**Ketidaktentuan Impak Tarif Amerika Syarikat ke atas Ekonomi Malaysia****Pengenalan**

Malaysia sebagai negara yang kecil dan mengamalkan dasar ekonomi terbuka telah menjalin hubungan perdagangan dan pelaburan dengan sekitar 90% negara pada peringkat antarabangsa. Komitmen teguh negara terhadap dasar perdagangan yang bebas dan terbuka menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi, menarik pelaburan berkualiti, mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan isi rumah. Malaysia terus memanfaatkan rangkaian perjanjian perdagangan yang pelbagai dengan rakan dagang utama pada peringkat global dan serantau disokong oleh struktur ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan. Pendekatan berorientasikan luaran ini telah menghasilkan nisbah perdagangan kepada KDNK yang sentiasa melebihi 100% sekali gus menunjukkan keberadaan Malaysia dalam landskap ekonomi global. Kelebihan utama profil perdagangan negara terletak pada kepelbagaian portfolio eksport yang merangkumi pelbagai sektor dan kategori produk. Kedudukan strategik negara di Asia Tenggara membolehkan Malaysia mengekalkan hubungan perdagangan yang kukuh dengan dua ekonomi terbesar dunia iaitu China dan AS. Oleh itu, sebarang perubahan dasar perdagangan oleh negara tersebut akan memberikan kesan yang ketara kepada ekonomi global dan Malaysia.

Peranan AS sebagai pemain utama dalam perdagangan global sejak sekian lama telah memberikan pengaruh besar ke atas dasar ekonomi antarabangsa, norma perdagangan dan akses pasaran. Kedudukan AS sebagai antara ekonomi dan negara perdagangan terbesar dunia telah membentuk trend perdagangan global melalui syarikat multinasional, corak penggunaan, perjanjian perdagangan dan rangka kerja kawal selia. Pelantikan semula Donald Trump sebagai Presiden AS telah menyebabkan pengenaan pelbagai tarif timbal balas ke atas kebanyakan negara yang seterusnya menimbulkan kesan berantai di seluruh ekonomi global. Tindakan ini telah mencetuskan pelbagai reaksi di sebalik ketegangan geopolitik seterusnya mengakibatkan negara yang terjejas menilai semula strategi perdagangan manakala beberapa negara bertindak balas dengan turut mengenakan tarif timbal balas. Situasi ini telah menyebabkan Malaysia mengalami kesan langsung dan tidak langsung berikutan penglibatan yang signifikan dalam rantai bekalan global khususnya dalam industri E&E. Malaysia melihat perubahan dan cabaran landskap perdagangan tersebut sebagai peluang baharu untuk memperkukuh struktur ekonomi dalam menghadapi cabaran masa hadapan.

Pengenaan Tarif AS ke atas Malaysia: Cabaran Perdagangan Baharu

Pada Liberation Day, Presiden AS mengumumkan pengenaan kadar tarif baharu antara 10% hingga 49% ke atas pelbagai jenis import berkuat kuasa pada Julai 2025 yang seterusnya telah mencetuskan kebimbangan terhadap ketidakseimbangan perdagangan, perlindungan industri domestik dan keselamatan negara. Tindakan ini telah menyebabkan perubahan ketara dalam dasar perdagangan global terutamanya bagi ekonomi yang menunjukkan peningkatan lebih dagangan dengan AS. Pengumuman tarif ini menasarkkan produk utama seperti elektronik, jentera, keluli, barangan pertanian dan tekstil sebagai sebahagian daripada strategi ekonomi Amerika First 2.0 yang lebih meluas. Kadar tarif permulaan sebanyak 24% dikenakan oleh AS ke atas pelbagai eksport Malaysia termasuk produk E&E, jentera, barangan pertanian dan tekstil. Kadar tarif baharu ini menimbulkan kebimbangan terutamanya bagi produk E&E yang menyumbang sekitar 40% daripada jumlah eksport negara.

Pada 9 April 2025, pentadbiran AS mengumumkan penangguhan selama 90 hari bagi pelaksanaan tarif timbal balas khusus ke atas kebanyakan negara termasuk Malaysia namun mengenakan kadar tarif asas sebanyak 10%. Keputusan ini dibuat bagi membolehkan rundingan antara AS dengan lebih daripada 75 ekonomi yang menyatakan kebimbangan terhadap kadar tarif baharu. Sementara itu, pentadbiran AS mengumumkan tarif tambahan ke atas import China seterusnya meningkatkan jumlah kadar tarif kepada 145% bagi barangan yang berasal dari China. Penangguhan tarif selama 90 hari yang berakhir pada 8 Julai 2025 seterusnya telah dilanjutkan bagi membolehkan negara berbincang dan berunding dengan AS. Walau bagaimanapun, beberapa negara telah dimaklumkan mengenai kadar yang disemak semula termasuk Malaysia yang dikenakan kadar lebih tinggi iaitu sebanyak 25% berkuat kuasa pada 1 Ogos 2025.

Di samping itu, AS mungkin mengenakan tarif tambahan sebanyak 10% kepada negara yang bersekutu dengan BRICS. Perubahan tarif AS ke atas China juga secara tidak langsung memberikan kesan negatif terhadap komponen buatan Malaysia yang digunakan dalam proses pembuatan di China. Tambahan pula, amalan seperti *place-of-origin washing* iaitu barangan dieksport melalui negara ketiga telah menimbulkan kekhawatiran kerana tindakan tersebut boleh mendedahkan negara berkaitan kepada risiko penalti perdagangan yang mungkin dikenakan oleh pihak berkuasa AS.

Pentadbiran AS mengumumkan kadar tarif baharu yang akan dikenakan ke atas rakan dagang berkuat kuasa pada 1 Ogos 2025 dengan kadar tarif ke atas Malaysia telah dikurangkan daripada 25% kepada 19%. Negara anggota ASEAN dikenakan kadar antara 10% hingga 40% dengan Singapura dikenakan kadar terendah manakala Myanmar dan Lao PDR dikenakan kadar tertinggi. Ringkasan kronologi pengenaan tarif AS ke atas Malaysia seperti dalam Rajah 3.1.1.

RAJAH 3.1.1. Tarif AS ke atas Malaysia



Sumber: The White House dan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri Malaysia


Hubungan Perdagangan Malaysia dengan China dan AS

Malaysia dan China telah mengekalkan hubungan ekonomi yang kukuh selama beberapa dekad dengan China sebagai rakan dagang utama Malaysia sejak 2009. Sementara itu, Malaysia merupakan antara 10 rakan dagang utama China pada peringkat global dan kedua terbesar dalam kalangan negara anggota ASEAN. Jumlah dagangan Malaysia dengan China berkembang sebanyak 7.6% kepada RM484.2 bilion atau 16.8% daripada jumlah dagangan Malaysia pada 2024. Malaysia merupakan pengimport bersih dengan import dari China berjumlah RM296.5 bilion pada 2024 terutamanya produk E&E (40.3%); jentera, kelengkapan dan peralatan (12.5%); kimia dan produk kimia (8.1%); dan barangan pembuatan logam (6.3%). Selain itu, eksport ke China berjumlah RM187.8 bilion antaranya termasuk produk E&E (36.2%); kimia dan produk kimia (9.7%); LNG (8.2%); dan barangan pembuatan logam (7.1%).

Sementara itu, AS merupakan rakan dagang ketiga terbesar Malaysia pada 2024 dengan nilai dagangan berjumlah RM325.2 bilion atau 11.3% daripada jumlah dagangan. Malaysia merupakan pengeksport bersih ke AS dengan eksport berjumlah RM198.9 bilion dan import sebanyak RM126.3 bilion dalam tempoh tersebut. Eksport utama ke AS adalah produk E&E (60.4%); produk pembuatan lain (8.7%); barangan optik dan saintifik (6.5%); serta jentera, kelengkapan dan peralatan (4.4%) sekali gus memperlihatkan kepelbagaian dan kekuatan Malaysia sebagai hab pembuatan termaju global. Sementara itu, import utama dari AS adalah produk E&E (43%); jentera, kelengkapan dan peralatan (15.5%); kimia dan produk kimia (7.7%); dan barangan pembuatan logam (7.4%) bagi mempercepat kemajuan teknologi dan inovasi dalam memacu pertumbuhan nilai ditambah tinggi dalam industri.

Pada separuh pertama 2025 (H1 2025), jumlah dagangan Malaysia dengan China meningkat sebanyak 6.3% kepada RM248.8 bilion manakala dagangan dengan AS melonjak sebanyak 32.6% kepada RM186.6 bilion berbanding tempoh sama pada 2024. Walau bagaimanapun, eksport ke China menyusut sebanyak 4.3% antaranya disebabkan oleh pengurangan permintaan terhadap barangan perlombongan manakala eksport ke AS meningkat sebanyak 28% berikutan peningkatan permintaan untuk barangan pembuatan dan pertanian. Sementara itu, import daripada kedua-dua negara meningkat ketara iaitu sebanyak 13% dari China dan 40% dari AS. Prestasi perdagangan dengan China dan AS adalah seperti dalam Rajah 3.1.2.

RAJAH 3.1.2 Perdagangan Malaysia dengan China dan AS



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

Impak Tarif ke atas Ekonomi Malaysia

Berdasarkan World Economic Outlook Update, July 2025 oleh IMF, ekonomi global diunjur berkembang sebanyak 3% pada 2025 dan 3.1% pada 2026. Unjuran ini mengambil kira faktor aktiviti perdagangan yang dilakukan lebih awal (*front-loading*) yang lebih kukuh daripada jangkaan berikutan andaian tarif yang lebih tinggi, semakin semula kadar tarif AS berbanding pengumuman pada April, persekitaran kewangan yang bertambah baik dan pengembangan fiskal di beberapa ekonomi utama. Pertumbuhan perdagangan global pada 2025 disemak semula kepada 2.6% terutamanya disokong oleh perkembangan pesat aliran perdagangan tertentu meskipun berdepan ketidaktentuan dasar yang semakin meningkat dan jangkaan sekatan yang lebih ketat susulan pelaksanaan dasar perlindungan. Walau bagaimanapun, kesan tersebut dijangka mereda pada separuh kedua 2025. Perdagangan global pada 2026 diunjur lebih perlahan kepada 1.9% apabila kebanyakan ekonomi yang mempunyai lebih akaun semasa dijangka melaksanakan dasar fiskal mengembang yang boleh menyumbang kepada pemulihan dalam ketidakseimbangan global. Sementara itu, IMF mengunjur KDNK Malaysia berkembang pada 4.5% pada 2025 dan 4% pada 2026.

Bagi tempoh H1 2025, pertumbuhan KDNK Malaysia menyederhana kepada 4.4% berbanding 5% yang direkodkan dalam tempoh sama pada 2024 berikutan prestasi eksport yang menyusut sebanyak 3.1 mata peratusan (ppt) dan import berkurang sebanyak 2.2 ppt. Prestasi perdagangan luar yang lebih perlahan sebahagiannya disebabkan oleh permintaan global yang lemah berikutan pengenaan tarif AS. Oleh itu, negara yang mencatatkan lebih dagangan dengan AS dijangka terkesan oleh langkah pelaksanaan dasar perlindungan tersebut.

Sehubungan itu, Kementerian Kewangan Malaysia telah menjalankan analisis untuk menganggar kesan langsung dan tidak langsung pengenaan tarif AS ke atas KDNK Malaysia dan sektor luaran. Kesan langsung merujuk kepada kesan tarif AS secara terus ke atas ekonomi Malaysia. Sementara itu, kesan tidak langsung mengambil kira kesan berantai berpunca daripada pengenaan tarif AS ke atas ekonomi negara lain yang seterusnya menjejaskan prestasi ekonomi Malaysia. Analisis ini adalah berdasarkan kadar tarif yang berkuat kuasa pada 1 Ogos 2025 seperti yang diumumkan oleh White House serta mengambil kira tarif timbal balas yang dikenakan oleh negara lain meskipun terdapat keputusan Mahkamah Rayuan AS bertarikh 29 Ogos 2025 mengenai tindakan pengenaan tarif yang menyalahi undang-undang.

Berdasarkan analisis, pengenaan tarif dianggar mengurangkan KDNK benar Malaysia sebanyak 0.38 ppt pada 2025 dengan kesan langsung sebanyak 0.07 ppt dan kesan tidak langsung sebanyak 0.31 ppt. Kesan tidak langsung dijangka lebih besar daripada kesan langsung kerana perdagangan dengan negara selain AS menyumbang lebih daripada 80% daripada jumlah perdagangan Malaysia. Di samping itu, China sebagai pemain utama dalam pembuatan global mungkin memberikan impak yang lebih ketara melalui ekonomi lain berikutan tarif AS yang lebih tinggi dikenakan ke atas eksport China. Sehubungan itu, eksport barangan dan perkhidmatan Malaysia dijangka menyusut sebanyak 0.71 ppt manakala import berkurang sebanyak 0.28 ppt. Impak tarif dijangka lebih besar pada 2026 kerana mencerminkan kesan sepenuhnya bagi tempoh setahun berbanding kesan selama lima bulan (Ogos – Disember) pada 2025. Pertumbuhan KDNK Malaysia diunjur lebih rendah sebanyak 0.76 ppt pada 2026 dengan kesan langsung sebanyak 0.15 ppt dan kesan tidak langsung sebanyak 0.61 ppt. Eksport barangan dan perkhidmatan Malaysia dijangka menyusut sebanyak 1.38 ppt manakala import barangan dan perkhidmatan sebanyak 0.64 ppt seperti dalam Rajah 3.1.3.

RAJAH 3.1.3. Kesan Tarif AS ke atas Keluaran Dalam Negeri Kasar, Eksport dan Import Malaysia

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran)

Produk E&E kekal sebagai peneraju eksport Malaysia yang menyumbang sekitar 40% daripada jumlah eksport. Pada 2024, AS merupakan pasaran eksport terbesar Malaysia untuk produk E&E iaitu mewakili sekitar 20% daripada jumlah eksport produk E&E. Selain itu, Malaysia memainkan peranan penting dalam rantai bekalan semikonduktor dengan menyumbang sekitar 7% kepada keseluruhan pasaran semikonduktor global dan merupakan pengeksport semikonduktor keenam terbesar dunia. Sehingga Ogos 2025, import semikonduktor oleh AS termasuk dari Malaysia masih dikecualikan daripada tarif tertakluk kepada siasatan keselamatan negara AS yang sedang dijalankan. Pemansuhan pengecualian boleh memberikan kesan, mengurangkan daya saing dan menjejaskan sektor yang berkait rapat dengan rantai bekalan AS.

Melangkah ke Hadapan

Ketidakpastian kesan tarif berikutan penangguhan keputusan perundangan dan kemungkinan pengenaan levi ke atas semikonduktor serta tindak balas terhadap dasar tarif di samping peningkatan ketidaktentuan global memerlukan Malaysia melaksanakan langkah pantas dan proaktif dalam menangani impak daripada ketidakpastian tersebut. Langkah dan inisiatif sedia ada perlu dilaksanakan segera bagi memperkukuh pertumbuhan ekonomi dan mempertingkatkan prestasi perdagangan.

Pusat Tindakan Geoekonomi Negara (NGCC) iaitu platform seluruh kerajaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri telah ditubuhkan bagi menilai dan menyelaraskan tindak balas terhadap gangguan perdagangan global, kejutan tarif dan halangan bukan tarif. Platform ini juga mengesyorkan strategi yang komprehensif dan pelbagai dimensi untuk menangani kesan tarif ke atas industri Malaysia serta melindungi daya saing ekonomi berikutan ketidaktentuan global. Pada Mei 2025, Kerajaan telah bertindak segera dan mengenal pasti beberapa langkah bagi menyokong syarikat Malaysia terutamanya PKS untuk menyesuaikan strategi perniagaan susulan kadar tarif baharu.

Selain itu, Kerajaan akan terus memperkukuh daya tahan industri tempatan melalui pelaksanaan pelbagai dasar termasuk Strategi Semikonduktor Nasional (NSS) dan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030). Inisiatif di bawah dasar tersebut akan menggalakkan peningkatan pelaburan dalam pembangunan tenaga kerja, R&D dan segmen bernilai lebih tinggi. Program yang digariskan di bawah inisiatif tersebut termasuk Dana Pembangunan Perindustrian NIMP, Geran Pembangunan Pasaran dan Dana Eksport Perkhidmatan akan memudahkan akses pasaran serta menyokong syarikat domestik untuk menambah baik operasi dengan memantapkan kecekapan, menerima pakai automasi dan meningkatkan produktiviti secara keseluruhan.

Malaysia berada pada kedudukan yang baik sebagai destinasi pelaburan pilihan ditunjangi asas ekonomi yang pelbagai dan kukuh. Oleh itu, Malaysia dijangka menerima manfaat daripada lencongan perdagangan kerana syarikat asing turut membangunkan hab pembuatan alternatif di luar China. Inisiatif seperti Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) dapat menarik minat pelabur yang meneroka persekitaran stabil dan berdaya saing.

Malaysia turut meluaskan pasaran eksport dengan mengutamakan rantau yang mempunyai pertumbuhan tinggi dan memanfaatkan perjanjian perdagangan bebas (FTA) sedia ada termasuk Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) dan Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP). Strategi kepelbagaian pasaran Malaysia memberikan tumpuan kepada usaha untuk mengurangkan kebergantungan terhadap rakan dagang tradisional dengan memperluas eksport ke pasaran baru muncul dan mempunyai pertumbuhan tinggi di seluruh Asia, Timur Tengah, Afrika dan Amerika Latin. Malaysia bermatlamat untuk meningkatkan akses pasaran dan terlibat secara aktif dalam rantaian nilai global melalui penyertaan aktif dalam perjanjian perdagangan serantau dan multilateral. Tumpuan diberikan kepada usaha untuk menyokong pengeksport khususnya PKS dengan mudah cara misi perdagangan, menawarkan risikan pasaran dan mempromosikan industri bernilai tinggi seperti E&E, produk halal dan teknologi hijau seperti digariskan di bawah Rangka Tindakan Perdagangan Nasional (NTBp).

Kesimpulan

Walaupun pengenaan tarif AS menimbulkan cabaran jangka masa pendek, namun Malaysia tetap komited terhadap keterbukaan perdagangan, kebolehsuaian dasar dan integrasi serantau yang akan menjadi pemacu utama dalam mengharungi gangguan semasa dalam landskap perdagangan global. Pendekatan proaktif melengkapkan daya tahan ekonomi Malaysia serta meletakkan negara sebagai pasaran khusus dengan kepelbagaian portfolio perdagangan ketika berdepan ketidaktentuan persekitaran perdagangan global. Usaha ini akan meningkatkan lagi keyakinan pelabur dan mengukuhkan peranan Malaysia sebagai destinasi perdagangan dan pelaburan yang boleh dipercayai serta meningkatkan kedudukan negara dalam rantaian nilai global.

Harga

Inflasi kekal sederhana di sebalik pembaharuan subsidi

Kadar inflasi keseluruhan yang diukur melalui **Indeks Harga Pengguna (IHP)** menunjukkan purata 1.4% bagi tempoh lapan bulan pertama 2025. Pencapaian ini disokong oleh permintaan domestik yang berdaya tahan, situasi kos global yang stabil serta penambahbaikan dasar yang mengekalkan kuasa beli isi rumah. Kumpulan makanan & minuman yang menyumbang 29.8% daripada bakul IHP meningkat 2.2% dalam tempoh tersebut. Komponen makanan di luar rumah dalam kumpulan ini menjadi penyumbang utama (4.5%) yang dipacu oleh permintaan kukuh terhadap aktiviti menjamu selera di luar dan makanan siap serta pelarasan upah yang berterusan. Tambahan pula, peningkatan kos input dan operasi dalam sektor perkhidmatan makanan turut menyumbang kepada kenaikan harga. Sebaliknya, harga makanan di rumah kekal stabil secara keseluruhan (0.1%) mencerminkan perubahan harga yang minimum bagi makanan segar dan barangan runcit asas. Bagi kategori berasaskan perkhidmatan, kumpulan penjagaan diri, perlindungan sosial & pelbagai barangan & perkhidmatan merekodkan peningkatan tertinggi (3.8%) diikuti restoran

& perkhidmatan penginapan (3.2%) yang turut memberikan tekanan ke atas inflasi. Kenaikan tersebut sebahagiannya diimbangi oleh penurunan harga dalam kumpulan maklumat & komunikasi (-5.4%) serta pakaian & kasut (-0.2%). Walaupun tekanan harga keseluruhan berkurangan, namun momentum disinflasi adalah tidak sekata dengan inflasi semakin tertumpu pada segmen berasaskan perkhidmatan.

Peluasan cukai jualan dan cukai perkhidmatan (SST) serta pelarasan gaji minimum dan harga utiliti berpotensi mempengaruhi inflasi melalui saluran tolakan kos dan tarikan permintaan. Walau bagaimanapun, inflasi keseluruhan dijangka kekal terkawal dalam julat 1% – 2% pada 2025. Risiko inflasi lebih tinggi tertumpu kepada kemungkinan perubahan harga barang kawalan dan gangguan rantai bekalan global. Sementara itu, risiko inflasi lebih perlahan termasuk penyederhanaan berterusan harga tenaga dan makanan global serta potensi permintaan domestik yang lemah. Walaupun inflasi keseluruhan menyederhana, namun inflasi teras kekal lebih tinggi dengan purata 1.9% dalam lapan bulan pertama 2025 menandakan tekanan harga asas yang berterusan. Perkembangan ini mencerminkan permintaan domestik yang kukuh serta kadar upah dan kos input yang sentiasa berubah meskipun inflasi global mereda.

SISIPAN 3.1

Kesan Perubahan Harga Terhadap Corak Perbelanjaan Isi Rumah

Pengenalan

Kebimbangan terhadap peningkatan kos sara hidup semakin dirasai dalam kalangan isi rumah di Malaysia. Walaupun purata inflasi keseluruhan kekal sederhana sepanjang tahun, namun angka agregat ini tidak mencerminkan sepenuhnya tekanan kos sebenar yang dialami oleh segmen berbeza dalam masyarakat. Golongan berpendapatan rendah, isi rumah luar bandar serta keluarga besar lazimnya berdepan tekanan yang lebih tinggi, khususnya dalam kategori keperluan asas seperti makanan & minuman; pengangkutan; serta perumahan & utiliti.


Indeks inflasi keseluruhan memberikan perspektif makroekonomi secara umum, namun begitu, perubahan corak perbelanjaan isi rumah yang bertindak balas terhadap perubahan harga tidak dapat diukur dengan tepat. Walau bagaimanapun, penyesuaian tingkah laku dalam keutamaan perbelanjaan isi rumah dapat dizahirkan melalui Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (HIES). Pemahaman terhadap corak perbelanjaan yang dinamik ini penting dalam merangka dasar yang lebih terangkum dan bersasar.

Secara umum, isi rumah boleh memilih untuk mengekalkan tahap perbelanjaan dengan mengurangkan penggunaan, beralih kepada alternatif berkos lebih rendah atau menangguhkan pembelian barangan dan perkhidmatan bukan asas. Artikel ini meneliti bagaimana kenaikan harga telah mengubah corak perbelanjaan isi rumah merentasi pelbagai tahap pendapatan dan kumpulan demografi di Malaysia. Analisis ini memperincikan bagaimana isi rumah membuat penyesuaian terhadap perubahan harga dengan mengambil kira trend harga serta data pendapatan dan perbelanjaan¹. Penemuan ini menyokong usaha memperkukuh mobiliti sosial melalui pengurusan kos sara hidup di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13).

Perkembangan Corak Perbelanjaan Isi Rumah

Isi rumah di Malaysia secara progresifnya telah menyesuaikan corak perbelanjaan mengikut peredaran masa sepanjang dekad yang lalu selaras dengan peralihan sosioekonomi serta perubahan keutamaan penggunaan. Dalam jangka masa panjang, corak perbelanjaan isi rumah memperlihatkan perubahan struktur yang ketara seperti dalam Rajah 3.1.1. Berdasarkan Survei Perbelanjaan Isi Rumah (HES)² perbelanjaan nominal isi rumah meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan dikompaun (CAGR) sebanyak 6.9%, daripada RM2,190 pada 2009/10 kepada RM5,566 pada 2024.

RAJAH 3.1.1. Perbelanjaan Isi Rumah Bulanan Purata mengikut Kumpulan Utama, 2009/10 – 2024



Nota: Data 2009/10 mengguna pakai COICOP 1999 manakala data 2014-2024 mengguna pakai COICOP 2018


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

¹ HIS 2009, 2014, 2016, 2019, 2022 & 2024 dan HES 2009/10, 2014, 2016, 2019, 2022 & 2024.

² HES 2009/10, 2014, 2016, 2019, 2022 & 2024.

Peratusan perbelanjaan bagi barangan keperluan mencatatkan penurunan secara beransur-ansur antara 2009/10 dan 2024. Perbelanjaan makanan & minuman berkurang daripada 20.3% kepada 15.7%, manakala pengangkutan berkurang daripada 14.9% kepada 11% dalam tempoh tersebut. Pada masa yang sama, perbelanjaan isi rumah telah beralih kepada kategori bukan keperluan. Antaranya termasuk kumpulan restoran & perkhidmatan penginapan yang meningkat daripada 10.9% kepada 17%, komunikasi (5.6% kepada 6.2%) serta penjagaan diri & perlindungan sosial seperti dalam Rajah 3.1.2. Perubahan ini didorong oleh faktor permintaan seperti perubahan gaya hidup dan peralihan demografi serta faktor penawaran termasuk perubahan harga, kemajuan teknologi, pembangunan infrastruktur dan urbanisasi.

RAJAH 3.1.2. Komposisi Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah Bulanan Purata mengikut Kumpulan Utama, 2009/10 – 2024



Nota: Data 2009/10 mengguna pakai COICOP 1999 manakala data 2014-2024 mengguna pakai COICOP 2018

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Peralihan ke arah perbelanjaan bukan keperluan ini mencerminkan peningkatan lebih menyeluruh dalam kualiti hidup rakyat Malaysia apabila isi rumah semakin mengutamakan keselesaan, kemudahan dan kesejahteraan diri. Pola ini menggambarkan perubahan struktur di negara berpendapatan tinggi apabila faktor seperti kekangan masa, penuaan serta perubahan keutamaan penggunaan telah mendorong peningkatan perbelanjaan dalam kategori bukan keperluan. Corak tersebut menunjukkan trajektori yang konsisten sekali gus menggambarkan hala tuju perbelanjaan pada masa hadapan.

Perbelanjaan isi rumah telah beralih kepada kategori perkhidmatan dan gaya hidup yang menunjukkan keutamaan penggunaan yang kian berubah. Perbelanjaan ke atas perumahan & utiliti meningkat dengan ketara sekali gus menjadi komponen terbesar dalam struktur perbelanjaan isi rumah sejak 2004. Perbelanjaan terhadap maklumat & komunikasi turut mencatat peningkatan mendadak yang menunjukkan penggunaan telefon pintar, capaian internet dan ketersambungan

digital telah menjadi utiliti asas dan bukan lagi barangan bukan keperluan. Sementara itu, peningkatan perbelanjaan bagi penjagaan diri & perlindungan sosial menunjukkan bahawa tumpuan yang lebih besar diberikan terhadap kesejahteraan, gaya hidup dan ekspresi diri khususnya dalam kalangan generasi muda dan isi rumah bandar. Secara keseluruhan, trend ini memperlihatkan peralihan ketara daripada penggunaan berteraskan kelangsungan hidup kepada perbelanjaan bagi meningkatkan kualiti hidup serta beraspirasi sejajar dengan pembangunan sosioekonomi Malaysia yang berterusan.

Peningkatan Pendapatan Mengatasi Inflasi Namun Tekanan Harga Kekal Tidak Sekata

Pendapatan isi rumah di Malaysia telah meningkat secara konsisten sepanjang dekad lalu dan melebihi kadar inflasi seterusnya menyokong peningkatan dalam perbelanjaan isi rumah. Antara 2009 hingga 2024, purata pendapatan isi rumah berkembang pada kadar 5.6% setahun manakala kadar inflasi keseluruhan meningkat pada purata 2.2% seperti dalam Jadual 3.1.1. Dapatan ini menghasilkan pertumbuhan pendapatan benar tahunan yang dianggarkan sebanyak 3.4% sekali gus menunjukkan bahawa isi rumah menikmati peningkatan kemampuan berbelanja. Jika dibandingkan dengan lebih terperinci, makanan & minuman selaku komponen terbesar dalam Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat sebanyak 3.3% dalam tempoh berkenaan yang mencerminkan kemampuan isi rumah untuk terus memenuhi keperluan asas. Selain itu, kategori D1³ turut mencatat peningkatan pertumbuhan pendapatan sebanyak 7.2% yang mengatasi bukan sahaja kadar inflasi keseluruhan malahan juga inflasi makanan & minuman bagi isi rumah berpendapatan kurang daripada RM3,000.

JADUAL 3.1.1. *Pendapatan Bulanan Isi Rumah, Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah dan Kadar Inflasi mengikut Kumpulan Terpilih, 2009/10 – 2024*

Butiran	RM		Pertumbuhan, % setahun	Inflasi Keseluruhan, % setahun	Inflasi (Makanan & Minuman), % setahun
Pendapatan Bulanan Isi Rumah, Perbelanjaan Penggunaan dan Kadar Inflasi					
	2009	2024	2010 - 2024		
Purata Pendapatan Bulanan Isi Rumah	4,025	9,155	5.6	2.2	3.3
Bandar	4,705	10,145	5.3	2.2	3.5
Luar Bandar	2,545	5,669	5.5	1.9	2.7
10% Terendah (D1*)	788	2,227	7.2	-	-
	2009/10	2024	2011 - 2024		
Purata Perbelanjaan Bulanan Isi Rumah	2,190	5,566	6.9	2.0	3.2
Bandar	2,465	6,103	6.7	2.1	3.3
Luar Bandar	1,599	3,750	6.3	1.8	2.6
10% Terendah (D1*)	733	2,186	8.1	2.1**	3.0**

Nota:

* D1 merujuk kepada isi rumah berpendapatan 10% terendah


** Inflasi bagi D1 dibandingkan dengan IHP bagi isi rumah berpendapatan kurang daripada RM3,000

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran)

³ D1 merujuk kepada isi rumah berpendapatan 10% terendah iaitu yang mempunyai pendapatan bulanan isi rumah kurang daripada RM2,890 pada tahun 2024. Pendapatan isi rumah merangkumi pendapatan daripada pekerjaan bergaji, bekerja sendiri, pulangan pelaburan serta pindahan semasa. Pindahan semasa boleh berbentuk wang tunai, barangan atau perkhidmatan yang diterima daripada isi rumah lain, Kerajaan atau badan amal dari dalam atau luar negara. Contoh pindahan semasa termasuk kiriman wang, pencen, nafkah dan bentuk bantuan berkala yang lain.


Sementara itu, menilai tekanan kos sara hidup daripada perspektif gaji individu sahaja mungkin tidak memberi gambaran keseluruhan peringkat isi rumah yang bersifat dinamik. Pendapatan isi rumah seperti yang diukur melalui Survei Pendapatan Isi Rumah (HIS) merangkumi gabungan pendapatan daripada semua ahli isi rumah termasuk pekerjaan bergaji, bekerja sendiri, harta dan pelaburan serta pindahan semasa seperti dalam Rajah 3.1.3. Peningkatan kadar penyertaan tenaga buruh khususnya dalam kalangan wanita serta pertambahan isi rumah dengan dua pendapatan telah menyumbang kepada pertumbuhan pendapatan agregat isi rumah dari semasa ke semasa (Goldin, 2006). Peningkatan pendapatan ini seterusnya menyokong perbelanjaan isi rumah yang lebih kukuh sekali gus mencerminkan kesejahteraan isi rumah dan penyertaan dalam ekonomi yang bertambah baik.

RAJAH 3.1.3 Punca Pendapatan mengikut Kelas Pendapatan, 2024



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Walau bagaimanapun, isi rumah masih berdepan dengan cabaran tekanan harga terutamanya daripada perubahan yang tidak seimbang merentas kategori perbelanjaan. Walaupun purata jangka masa panjang inflasi kekal terkawal pada kadar 2% setahun, namun kenaikan harga terkumpul antara 2010 hingga 2024 telah menyusut nilai ringgit. Perbelanjaan barangan dan perkhidmatan bernilai RM100 pada 2024 bersamaan dengan RM75.30 pada 2010 menunjukkan penurunan kuasa beli sepanjang tempoh tersebut seperti dalam Rajah 3.1.4. Penurunan kuasa beli ini lebih ketara dalam kategori utama seperti makanan & minuman serta restoran & perkhidmatan penginapan yang menyusut lebih 60% mencerminkan pertumbuhan harga lebih tinggi. Sebaliknya, kategori seperti komunikasi serta pakaian & kasut mencatatkan penurunan harga sekali gus menggambarkan sifat inflasi yang tidak seragam. Walaupun pendapatan benar telah meningkat dari semasa ke semasa, namun isi rumah masih terdedah kepada tahap tekanan harga yang berbeza mengikut profil perbelanjaan masing-masing. Situasi ini memerlukan tindak balas dasar secara bersasar dengan mengambil kira kesan inflasi yang berbeza terhadap kumpulan isi rumah dan jenis perbelanjaan.


RAJAH 3.1.4 Kuasa Beli mengikut Kumpulan Utama, 2024, 2010=100 (%)

Nota: Berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (2021), kuasa beli dikira dengan membahagikan IHP tahun rujukan dengan IHP tahun semasa dan didarabkan dengan 100

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran)

Pengaruh Harga dalam Mengubah Corak Perbelanjaan Isi Rumah

Peningkatan pendapatan dan perubahan gaya hidup terus membentuk corak perbelanjaan isi rumah di Malaysia dengan peralihan daripada keperluan asas kepada perkhidmatan serta barangan bukan keperluan. Rajah 3.1.5 menunjukkan bahawa perbelanjaan nominal isi rumah meningkat sebanyak 6.9% manakala perbelanjaan sebenar isi rumah berkembang sederhana pada kadar 4.9%. Sebahagian besar peningkatan perbelanjaan ini didorong oleh kenaikan harga dan bukan daripada pertambahan kuantiti barangan dan perkhidmatan yang digunakan.

RAJAH 3.1.5. Pertumbuhan Perbelanjaan Nominal, Inflasi dan Perbelanjaan Sebenar mengikut Kumpulan Perbelanjaan Utama, 2009/10 – 2024

Nota:


1. Insurans & kewangan telah digabungkan bersama penjagaan diri, perlindungan sosial dan pelbagai pada tahun 2024 bagi memastikan keseragaman dengan tahun-tahun terdahulu apabila ia tidak dilaporkan secara berasingan.

2. Inflasi bagi makanan & minuman serta restoran & penginapan telah diselaraskan untuk mencerminkan pengelasan semula makanan di luar rumah daripada kumpulan pertama kepada kumpulan kedua berdasarkan wajaran Perbelanjaan Isi Rumah (HES) yang dikemas kini

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran)

Bahagian perbelanjaan bagi makanan & minuman mencatatkan penurunan merentasi semua kumpulan pendapatan menandakan peralihan perbelanjaan kepada barangan bukan keperluan. Secara teori, makanan menjadi bahagian yang semakin kecil dalam belanjawan isi rumah apabila pendapatan meningkat⁴. Keadaan ini lebih ketara dalam kalangan kumpulan desil terendah (D1) yang mencatatkan penurunan sebanyak 8.9 mata peratusan (ppt) berbanding kumpulan desil tertinggi (D10) sebanyak 3.2 ppt seperti dalam Rajah 3.1.6. Data menunjukkan perbelanjaan kumpulan makanan di rumah tidak lagi meningkat dalam kalangan isi rumah berpendapatan tinggi seterusnya membuktikan bahawa makanan merupakan keperluan asas yang mencapai tahap tepu apabila pendapatan bertambah. Setelah keperluan pemakanan asas dipenuhi, isi rumah mula mengalihkan tumpuan daripada keperluan kepada pilihan.

RAJAH 3.1.6. Perbelanjaan bagi Makanan & Minuman serta Restoran & Perkhidmatan Penginapan mengikut Kumpulan Pendapatan, 2009/10 dan 2024



Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran)

Dari segi gaya hidup, amalan makan di luar rumah semakin menjadi kebiasaan khususnya dalam kalangan isi rumah di kawasan bandar. Perbelanjaan ke atas restoran & perkhidmatan penginapan menunjukkan peningkatan merentasi semua kumpulan pendapatan seperti dalam Rajah 3.1.6. Kumpulan D1 mencatat kenaikan sebanyak 4.9 ppt manakala D10 mencatat 4.3 ppt. Keadaan ini selari dengan dapatan Khazanah Research Institute (2025) yang menunjukkan perbelanjaan berkaitan makan di luar rumah meningkat ketara yang mencerminkan peralihan jelas ke arah pilihan yang lebih mudah dan menjimatkan masa meskipun tekanan harga kekal pada kadar 3.7% setahun seperti dalam Rajah 3.1.5.

Selepas pelarasan saiz isi rumah, analisis dalaman⁵ mendapati kumpulan D10 membelanjakan hampir sepuluh kali ganda lebih banyak untuk makanan di luar rumah berbanding D1. Kajian perbelanjaan per kapita juga menunjukkan bahawa makan di luar rumah kekal sebagai pilihan utama tanpa mengira tahap pendapatan. Hal ini membuktikan bahawa amalan ini bukan lagi dianggap sebagai satu kemewahan sebaliknya telah menjadi sebahagian daripada aspirasi gaya hidup moden. Walaupun harga makanan di luar rumah dan kebimbangan terhadap kos sara hidup terus meningkat, namun kebanyakan isi rumah masih mengutamakan keselesaan seterusnya mencerminkan perubahan gaya hidup dan budaya.


⁴ Engel's Law menyatakan bahawa apabila pendapatan isi rumah meningkat, peratusan pendapatan yang dibelanjakan untuk makanan akan berkurang, walaupun perbelanjaan mutlak/jumlah yang dibelanjakan untuk makanan meningkat (Chai & Moneta, 2010).

⁵ Berdasarkan kajian Kementerian Kewangan mengenai perbelanjaan isi rumah untuk makan di luar merentasi pelbagai kumpulan pendapatan mengikut saiz isi rumah menggunakan data HIES 2022.

Selain makanan, perbelanjaan kesihatan semakin menjadi keutamaan dalam semua kumpulan pendapatan iaitu peningkatan perbelanjaan adalah berkadar dengan peningkatan pendapatan khususnya dalam kalangan kumpulan berpendapatan pertengahan. Antara 2009/10 hingga 2024, perbelanjaan berkaitan kesihatan mencatat pertumbuhan terpantas bagi kebanyakan desil dengan peningkatan tahunan melebihi 12%. Selain itu, purata keanjalan pendapatan⁶ berada di bawah paras 1 bagi semua kumpulan pendapatan selari dengan dapatan kajian Habib et al. (2016) yang menunjukkan bahawa kesihatan merupakan keperluan asas. Walau bagaimanapun, keanjalan pendapatan relatif adalah lebih rendah bagi kumpulan bekerja yang berpendapatan pertengahan dan tinggi yang mungkin menerima manfaat kesihatan daripada majikan. Peningkatan bahagian perbelanjaan ini turut mencerminkan bahawa masyarakat semakin mementingkan kesejahteraan kesihatan jangka masa panjang, penuaan serta akses kepada perkhidmatan kesihatan awam meskipun harga ubat-ubatan dan produk kesihatan terus menunjukkan kenaikan.

Pada masa yang sama, ketersambungan digital telah menjadi satu keperluan dengan penggunaan dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana terus meningkat didorong oleh capaian meluas terhadap telefon pintar dan perkhidmatan internet. Bahagian perbelanjaan daripada jumlah penggunaan dalam kumpulan D1 meningkat daripada 3.2% kepada 4.5% seperti dalam Rajah 3.1.7. Peningkatan ini turut disokong oleh deflasi harga pada kadar 0.5% setahun seperti dalam Rajah 3.1.5, sebahagiannya berikutan persaingan antara penyedia perkhidmatan. Kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana ini diandaikan terdiri daripada golongan muda dewasa dan pertengahan umur yang sedang bekerja. Keanjalan pendapatan yang lebih daripada satu bagi kumpulan tersebut mencerminkan kadar penggunaan lebih tinggi bagi produk dan perkhidmatan ICT apabila ambang kemampuan berbelanja dicapai. Perkembangan ini menunjukkan kepentingan komunikasi digital yang semakin ketara bukan sahaja untuk tujuan pendidikan dan pekerjaan tetapi juga bagi rangkuman sosial dan kewangan.

RAJAH 3.1.7. *Perbelanjaan bagi Maklumat & Komunikasi mengikut Kumpulan Pendapatan, 2009/10 dan 2024*



Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran)


Perumahan & utiliti kekal sebagai komponen terbesar perbelanjaan khususnya dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah yang secara konsisten melebihi 28% daripada jumlah penggunaan sejak 2009/10. Peratusan perumahan & utiliti⁷ bagi kumpulan D1 yang merangkumi 28.7% daripada pendapatan adalah melebihi dua kali ganda berbanding 10.9% yang dicatatkan oleh kumpulan

⁶ Peraturan keanjalan merujuk kepada keanjalan pendapatan permintaan iaitu keperluan asas mempunyai keanjalan antara 0 dan 1 manakala barangan mewah mempunyai keanjalan melebihi 1 (Frank, 2021).

⁷ Komponen sewa menyumbang sebanyak 76.2% daripada keseluruhan perbelanjaan perumahan & utiliti pada tahun 2024.

D10 seperti dalam Rajah 3.1.8. Keadaan ini mencerminkan ketidakseimbangan yang ditanggung oleh golongan berpendapatan rendah bagi perbelanjaan perumahan & utiliti. Walaupun inflasi kekal sederhana pada kadar 1.8% setahun, namun pertumbuhan sebenar perbelanjaan perumahan & utiliti terhad kepada 5.4% mencerminkan kekangan kemampuan kewangan dan limitasi skop pelarasan perbelanjaan. Keanjalan pendapatan yang kekal di bawah paras satu merentasi semua desil pula menunjukkan bahawa perumahan & utiliti menjadi keperluan asas bagi isi rumah⁸.

RAJAH 3.1.8. *Perbelanjaan bagi Perumahan & Utiliti sebagai Peratusan Pendapatan Isi Rumah mengikut Kumpulan Pendapatan, 2009/10 dan 2024*



Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran)


Kumpulan pengangkutan kekal sebagai kos yang besar dan penting khususnya bagi isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana. Walaupun bahagian perbelanjaan ini menyusut sedikit susulan waktu kerja yang lebih fleksibel sejak pandemik COVID-19, namun perbelanjaan pengangkutan masih merangkumi lebih 10% daripada jumlah perbelanjaan isi rumah bagi kebanyakan kumpulan pendapatan. Perbelanjaan sebenar terus meningkat disokong oleh pertumbuhan pendapatan meskipun inflasi kekal pada kadar 1.4% setahun. Keanjalan pendapatan sebanyak 1.4 dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah menunjukkan perbelanjaan pengangkutan yang bersifat bukan keperluan. Justeru, boleh disimpulkan bahawa pendapatan tambahan dalam kumpulan ini akan dibelanjakan untuk memenuhi aspirasi dan pilihan gaya hidup. Sebaliknya, keanjalan perbelanjaan dalam kalangan isi rumah berpendapatan tinggi lebih mendatar iaitu antara 0.7 hingga 0.8 menunjukkan bahawa perbelanjaan pengangkutan kurang sensitif terhadap peningkatan pendapatan.

Perbelanjaan untuk penjagaan diri mencerminkan perubahan gaya hidup dan tahap kemampuan isi rumah. Corak perbelanjaan bagi penjagaan diri, rekreasi dan pendidikan telah berkembang dengan pesat dipengaruhi oleh tahap pendapatan, ambang kemampuan dan akses kepada pelbagai pilihan. Bagi kategori penjagaan diri & barangan pelbagai, pertumbuhan perbelanjaan yang stabil direkodkan merentas semua kumpulan pendapatan. Bahagian kumpulan D1 meningkat daripada 5.6% kepada 6.2% manakala kumpulan D10 meningkat sebanyak 2.1 ppt kepada 13.4% seperti dalam Rajah 3.1.9. Sementara itu, perbelanjaan untuk rekreasi, sukan & kebudayaan kekal bertindak balas terhadap pendapatan dalam kalangan isi rumah berpendapatan pertengahan dengan keanjalan pendapatan purata pada kadar 1.3. Situasi ini menunjukkan peningkatan permintaan terhadap aktiviti gaya hidup dan riadah setelah keperluan asas dipenuhi. Namun

⁸ Penjelasan mengenai peraturan keanjalan merujuk kepada keanjalan pendapatan permintaan, iaitu keperluan asas mempunyai keanjalan antara 0 dan 1 manakala barangan mewah mempunyai keanjalan melebihi satu (Frank, 2021).

begitu, perbelanjaan dalam pendidikan kekal mendatar merentas semua kumpulan pendapatan dengan purata sekitar 1% daripada jumlah belanjawan isi rumah berikutan aktiviti pendidikan menerima subsidi terutamanya bagi sekolah bantuan kerajaan.

RAJAH 3.1.9. *Perbelanjaan bagi Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan, Rekreasi, Sukan & Kebudayaan serta Pendidikan mengikut Kumpulan Pendapatan, 2009/10 dan 2024*



Nota: Insurans & kewangan telah digabungkan bersama penjagaan diri, perlindungan sosial dan pelbagai pada tahun 2024 bagi memastikan keseragaman dengan tahun-tahun terdahulu apabila ia tidak dilaporkan secara berasingan

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran)

Penutup

Perubahan harga memberikan kesan berbeza kepada kumpulan isi rumah sekali gus memerlukan penggubalan dasar yang lebih bersasar dan berasaskan data. Walaupun inflasi keseluruhan berperanan sebagai penunjuk makroekonomi yang penting, namun kesan mungkin berbeza apabila dilihat dari sudut inflasi pada peringkat isi rumah khususnya bagi golongan berpendapatan rendah dan rentan. Isi rumah dalam kumpulan tersebut lazimnya memperuntukkan bahagian perbelanjaan yang lebih besar ke atas barangan keperluan asas seperti makanan & minuman, kesihatan, perumahan & utiliti serta pengangkutan dengan ruang yang terhad untuk menggantikan barangan atau perkhidmatan apabila harga meningkat. Justeru, kesan inflasi pada peringkat isi rumah adalah tidak seragam dan berbeza secara ketara mengikut kumpulan pendapatan, lokasi dan keutamaan. Sehubungan itu, pelbagai inisiatif telah dan sedang dilaksanakan bagi melindungi kuasa beli rakyat dan mengurangkan tekanan kos sara hidup seperti dalam Rajah 3.1.10.

RAJAH 3.1.10. Inisiatif & Bantuan Terpilih



Sumber: Kementerian Kewangan, Kementerian Ekonomi dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Malaysia

Selaras dengan matlamat Malaysia untuk mencapai dasar fiskal dan bantuan yang lebih bersasar, kefahaman yang mendalam mengenai corak perbelanjaan isi rumah adalah penting. Integrasi data harga dan perbelanjaan membolehkan penghasilan dasar yang lebih tepat seterusnya merangka langkah yang mampu menangani kerentanan isi rumah. Pendekatan ini selari dengan kerangka Ekonomi MADANI yang menekankan langkah saksama dan bersasar bagi melindungi kebajikan isi rumah serta memperkukuh ketahanan ekonomi. Corak perbelanjaan ini dijangka terus berubah seiring kemajuan negara ke arah mencapai status berpendapatan tinggi.

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) merekodkan penurunan purata 2.3% bagi lapan bulan pertama 2025 selepas peningkatan kecil pada dua bulan pertama tahun ini. Trend ini didorong oleh kejatuhan harga berterusan dalam sektor berorientasikan eksport seperti perlombongan dan pembuatan seiring pergerakan harga tenaga global yang perlahan dan permintaan luar yang suram. Sektor perlombongan yang menyusut sebanyak 10.0% mencerminkan penurunan ketara harga minyak mentah, gas asli dan produk bertapis manakala sektor pembuatan turut merosot sebanyak 2.6%. Sebaliknya, sektor bekalan elektrik dan gas meningkat sebanyak 0.8%, sektor pertanian, perhutanan dan perikanan sebanyak 6.7% dan bekalan air sebanyak 1.8% yang mengimbangi sebahagian daripada penurunan

harga. Pada peringkat pemprosesan, harga bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya serta bahan perantaraan, bekalan dan komponen berkurang sebanyak 4.1% dan 2.2%. Harga barang siap juga berkurang sebanyak 1.3% menandakan kos yang terkawal sepanjang rantai bekalan.

Perkembangan ini menunjukkan penyederhanaan berterusan dalam kos input hulu dan tekanan harga yang perlahan di sepanjang rantai pengeluaran. Pertumbuhan IHPR dijangka kekal terkawal bagi keseluruhan tahun disokong oleh kestabilan harga komoditi global dan daya tahan sektor domestik utama. Kepelbagaian asas ekonomi Malaysia serta langkah dasar yang proaktif terus menyediakan penampan terhadap kejutan luaran.

JADUAL 3.13. Indeks Harga Pengguna,
Januari – Ogos 2024 dan 2025
(2010 = 100)

	WAJARAN ¹	PERUBAHAN (%)		SUMBANGAN KEPADA PERTUMBUHAN IHP (MATA PERATUSAN)	
		2024	2025	2024	2025
Indeks Harga Pengguna	100.0	1.8	1.4	1.80	1.40
Makanan & minuman	29.8	1.8	2.2	0.54	0.66
Minuman alkohol & tembakau	1.9	0.6	0.7	0.01	0.01
Pakaian & kasut	2.7	-0.2	-0.2	-0.01	-0.01
Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain	23.2	2.9	1.9	0.67	0.44
Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah	4.3	0.9	0.2	0.04	0.01
Kesihatan	2.7	2.0	1.2	0.05	0.03
Pengangkutan	11.3	1.1	0.6	0.12	0.07
Maklumat & komunikasi	6.6	-0.9	-5.4	-0.06	-0.36
Rekreasi, sukan & kebudayaan	3.0	1.7	1.2	0.05	0.04
Pendidikan	1.3	1.5	2.1	0.02	0.03
Restoran & perkhidmatan penginapan	3.4	3.2	3.2	0.11	0.11
Insurans & perkhidmatan kewangan	4.0	0.1	2.4	0.00	0.10
Pelbagai diri, perlindungan sosial & pelbagai barangan & perkhidmatan	5.8	2.9	3.8	0.17	0.22


¹ Berdasarkan Survei Perbelanjaan Isi Rumah 2022
Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

JADUAL 3.14. Indeks Harga Pengeluar,
Januari – Ogos 2024 dan 2025
(2010 = 100)

	WAJARAN ¹	PERUBAHAN (%)		SUMBANGAN KEPADA PERTUMBUHAN IHPR (MATA PERATUSAN)	
		2024	2025	2024	2025
IHPR mengikut sektor	100.000	0.9	-2.3	0.90	-2.30
Pertanian, perhutanan dan perikanan	6.730	3.8	6.7	0.26	0.45
Perlombongan	7.927	3.3	-10.0	0.26	-0.79
Pembuatan	81.571	0.4	-2.6	0.33	-2.12
Bekalan elektrik dan gas	3.442	0.5	0.8	0.02	0.03
Bekalan air	0.330	6.4	1.8	0.02	0.01
IHPR mengikut peringkat pemprosesan	100.000	0.9	-2.3	0.90	-2.30
Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya	16.410	3.4	-4.1	0.56	-0.67
Bahan perantaraan, bekalan dan komponen	56.119	-0.4	-2.2	-0.22	-1.23
Barang siap	27.471	2.3	-1.3	0.63	-0.36

¹ Berdasarkan Banci Ekonomi 2016
Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

RAJAH 3.6. Trend Indeks Harga Pengguna dan Indeks Harga Pengeluar (% perubahan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pasaran Buruh

Prospek pasaran buruh yang optimistik

Pasaran buruh Malaysia kekal kukuh pada separuh pertama 2025 selaras dengan pencapaian ekonomi yang stabil. Permintaan domestik yang kukuh dan pewujudan peluang pekerjaan yang berterusan menarik lebih banyak penyertaan baharu dalam pasaran sekali gus meningkatkan kadar penyertaan tenaga buruh kepada 70.8%. Tenaga buruh meningkat sebanyak 2.4% kepada 17.3 juta orang manakala jumlah **guna tenaga** meningkat lebih tinggi sebanyak 2.6% kepada 16.8 juta orang. Peningkatan ini menyumbang kepada penurunan **kadar pengangguran** kepada 3% atau 520,100 orang iaitu kadar terendah dalam tempoh sedekad. Sektor perkhidmatan kekal sebagai sumber utama guna tenaga dalam tempoh tersebut iaitu sebanyak 66% diikuti oleh sektor pembuatan (16.2%) dan pertanian (8.8%).

Pencapaian memberangsangkan dalam pasaran buruh juga dicerminkan melalui bilangan **penempatan** pekerjaan yang meningkat ketara sebanyak 150% dengan lebih 188,500 individu mendapat pekerjaan pada separuh pertama 2025. Pada masa yang sama, jumlah **pemberhentian** pekerja kekal rendah iaitu 34,005 yang menunjukkan perniagaan memberikan keutamaan kepada pengekalan pekerja bagi menyokong kelangsungan operasi perniagaan. Di samping itu, bilangan **kekosongan** yang didaftarkan pada Jun 2025 melebihi 108,500 jawatan dengan 42.4% melibatkan pekerjaan mahir dan baki 57.6% dalam pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah.

Pasaran buruh pada 2025 dijangka terus berkembang berikutan peningkatan permintaan terhadap tenaga kerja selaras dengan peluasan operasi dan pelaburan syarikat. Perkembangan ini sejajar dengan peningkatan kadar integrasi digital, aktiviti berkaitan pelancongan dan acara MICE sempena Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025. Justeru, **kadar pengangguran** dianggarkan kekal rendah 3% pada 2025.

JADUAL 3.15. Penunjuk Pasaran Buruh

	('000)			PERUBAHAN (%)		
	H1 ¹	2025 ²	2026 ³	H1 ¹	2025 ²	2026 ³
Tenaga buruh	17,270.4	17,309.2	17,707.3	2.4	2.4	2.3
Guna tenaga	16,750.3	16,795.0	17,181.3	2.6	2.6	2.3
Pengangguran	520.1	514.2	526.0	(3.0)	(3.0)	(3.0)

¹ Januari hingga Jun 2025² Anggaran³ Unjuran

Nota: Angka dalam kurungan ialah kadar pengangguran

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

JADUAL 3.16. Guna Tenaga mengikut Sektor

	('000)			BAHAGIAN (%)		
	H1 ²	2025 ³	2026 ⁴	H1 ²	2025 ³	2026 ⁴
Pertanian, perhutanan dan perikanan	1,481.6	1,493.3	1,512.7	8.8	8.9	8.8
Perlombongan dan pengkuarian	90.8	91.1	92.9	0.5	0.5	0.5
Pembuatan	2,708.7	2,727.2	2,787.2	16.2	16.2	16.2
Pembinaan	1,411.5	1,415.7	1,443.3	8.4	8.4	8.4
Perkhidmatan	11,055.8	11,066.4	11,343.1	66.0	65.9	66.0
Jumlah¹	16,750.3	16,795.0	17,181.3	100.0	100.0	100.0

¹ Jumlah termasuk 'Aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah'² Januari hingga Jun 2025³ Anggaran⁴ Unjuran

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Bilangan **pekerja asing** berkemahiran rendah yang berdaftar berkurang sebanyak 15% kepada 2.1 juta orang pada akhir Ogos 2025 berbanding 2.5 juta orang dalam tempoh yang sama pada 2024. Pengurangan ini berikutan keputusan Kerajaan mengenakan pembekuan kelulusan kuota pekerja asing yang akan kekal berkuat kuasa sehingga akhir 2025. Langkah pembekuan ini adalah disebabkan oleh had siling pekerja asing yang menghampiri paras 15%. Strategi ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan untuk mengurangkan pergantungan kepada pekerja migran berkemahiran rendah di samping menggalakkan industri beralih kepada aktiviti bernilai tambah tinggi didorong oleh automasi dan teknologi termaju. Pekerja asing terutamanya berasal dari Bangladesh dengan peratusan sebanyak 37.4%, Indonesia (25.6%) dan Nepal (15.5%). Sektor pembuatan menggaji bilangan pekerja asing tertinggi dengan peratusan sebanyak 29.5% diikuti oleh sektor

pembinaan (27.7%) dan perkhidmatan (18.1%). Sementara itu, bilangan **ekspatriat** meningkat 6.9% kepada 121,310 orang pada akhir Ogos 2025. Majoriti ekspatriat berasal dari China (26%), India (17.3%) dan Filipina (8.1%) serta bekerja terutamanya dalam sektor teknologi maklumat (40.8%), perkhidmatan (16.3%) dan pembuatan (11.8%).

Produktiviti buruh yang diukur melalui nilai ditambah per pekerja meningkat 2.7% kepada RM49,753 pada separuh pertama 2025. Pencapaian ini terutamanya disumbangkan oleh pertumbuhan dua digit produktiviti dalam sektor pembinaan berikutan kecekapan pelaksanaan projek berkaitan infrastruktur sedia ada termasuk penyediaan sistem dan landasan kereta api elektrik (ETS) arah selatan. Secara keseluruhan, produktiviti buruh dijangka berkembang sebanyak 2.5% kepada lebih RM101,700 pada 2025 disokong oleh penerusan pelaburan dalam pembangunan

kemahiran, penggunaan teknologi digital serta pemodenan model dan peraturan perniagaan. Sektor pembinaan dianggar mencatat peningkatan tertinggi sebanyak 8.9% diikuti oleh sektor pembuatan (2.8%) dan perkhidmatan (2.4%).

Tinjauan 2026

Sektoral

Sektor Perkhidmatan

Keterujaan Tahun Melawat Malaysia 2026

Sektor **perkhidmatan** diunjur meningkat sebanyak 5.2% pada 2026 didorong oleh pertumbuhan dalam semua subsektor. Perkembangan ini disumbangkan oleh peningkatan aktiviti pelancongan yang dipacu oleh lonjakan ketibaan dan perbelanjaan pelawat asing sempena VM2026 di samping perbelanjaan pengguna yang mampan.

Subsektor perdagangan borong dan runcit kekal sebagai penyumbang utama kepada sektor perkhidmatan dengan unjuran pertumbuhan sebanyak 5% terutamanya dipacu oleh segmen perdagangan runcit. Kempen jualan bermusim dan promosi yang rancak di kedai serta platform e-dagang dan media sosial akan menggalakkan aktiviti pembelian. Di samping itu, inisiatif seperti demonstrasi produk dan peletakan barangan dalam kedai serta strategi penetapan harga yang menarik akan meningkatkan jualan produk buatan tempatan. Sementara itu, segmen kenderaan bermotor dijangka pulih disokong oleh peningkatan tempahan untuk kenderaan baharu.

Subsektor pengangkutan dan penyimpanan diunjur berkembang sebanyak 7.1% disokong oleh semua segmen berikutan peningkatan dalam aktiviti rel, lebuh raya, pelabuhan dan lapangan terbang. Segmen pengangkutan darat dijangka meningkat berikutan permulaan operasi Fasa 1 Transit Aliran Ringan 3 (LRT3) dan ETS arah selatan serta pengoperasian Lebuhraya Lembah Klang Timur (EKVE). Di samping itu, segmen pengangkutan udara dijangka dipacu oleh peningkatan kekerapan penerbangan, kesalinghubungan laluan dan

trafik penumpang antarabangsa sempena penganjuran VM2026. Pelaksanaan projek menaik taraf kapasiti lapangan terbang dan insentif bersasar dijangka akan menyokong pertumbuhan segmen penumpang dan kargo. Segmen pengangkutan air diunjur berkembang seiring dengan aktiviti perdagangan yang menggalakkan.

Subsektor kewangan dan insurans diunjur berkembang sebanyak 2.8% dengan pertumbuhan positif dalam semua segmen disokong oleh aktiviti ekonomi yang berterusan. Dalam segmen kewangan, pertumbuhan pinjaman dijangka kekal menyederhana meskipun permintaan kredit yang stabil daripada sektor isi rumah. Segmen insurans juga dijangka kekal sederhana dengan pertumbuhan premium yang stabil walaupun pembayaran bersih faedah kekal tinggi terutamanya bagi polisi insurans hayat.

Subsektor hartanah dan perkhidmatan perniagaan diunjur meningkat sebanyak 6.7% didorong oleh permintaan berterusan untuk perkhidmatan profesional. Peningkatan ini dijangka dipacu oleh perkhidmatan berkaitan kejuruteraan berikutan peningkatan permintaan bagi hab logistik, penggudangan serta penerusan pembangunan kawasan perindustrian. Perkembangan subsektor ini juga didorong oleh permintaan daripada pelaksanaan projek utama termasuk JS-SEZ serta penerusan aktiviti pembinaan bagi pusat data baharu.

Subsektor maklumat dan komunikasi diunjur berkembang sebanyak 4.3% terutamanya disumbangkan oleh peluasan teknologi AI, kapasiti pusat data dan pengkomputeran awan serta sokongan berterusan kerajaan melalui dasar digital yang komprehensif dan penambahbaikan infrastruktur. Subsektor ini turut dipacu oleh peningkatan aktiviti perdagangan sosial melalui pelbagai platform sosial serta langganan perkhidmatan media *over-the-top* (OTT) bagi e-sukan dan hiburan. Acara sukan utama seperti Piala Dunia FIFA 2026, Piala Thomas & Uber BWF 2026 serta Sukan Komanwel 2026 dijangka meningkatkan bilangan langganan sekali gus merancakkan lagi pertumbuhan subsektor ini.

SISIPAN 3.2


Merapatkan Jurang Kecerdasan Buatan di Malaysia

Pengenalan

Kecerdasan Buatan (AI) merupakan himpunan teknologi yang membolehkan mesin mempamerkan kecerdasan, beradaptasi dengan perubahan serta memperkasa kepintaran dan keupayaan intelektual manusia. Teknologi tersebut merangkumi spektrum keupayaan yang luas termasuk pembelajaran, penaakulan, penyelesaian masalah dan pembuatan keputusan. Sehubungan itu, AI bakal mengubah landskap teknologi dan inovasi dengan pantas di samping muncul sebagai pemboleh daya utama bagi kemajuan dan pertumbuhan terangkum. Penerimgunaan AI dijangka meningkatkan daya saing dalam pelbagai bidang sosioekonomi dengan memastikan pengoperasian perniagaan yang lebih cekap, mewujudkan peluang pekerjaan baharu dan menyumbang kepada peningkatan taraf hidup. Integrasi AI berpotensi menyumbang sekitar USD115 bilion atau RM485 bilion kepada nilai ditambah ekonomi negara (Kementerian Digital, 2024). Justeru, potensi ini perlu direalisasikan dengan mempercepat penggunaan AI serta membolehkan manfaat dinikmati secara menyeluruh sekali gus merapatkan jurang AI dalam kalangan masyarakat.

Kerajaan telah menetapkan aspirasi jelas untuk menjadi negara AI yang terangkum dan mampan menjelang 2030 seperti digariskan dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas 2026 – 2030 (RMK13). Aspirasi ini disokong oleh pelaksanaan strategi dan rangka kerja kebangsaan termasuk Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia, 2021 – 2030; Pelan Hala Tuju Kecerdasan Buatan Negara 2021–2025 (AI-Rmap); Garis Panduan Tadbir Urus dan Etika Kecerdasan Buatan Negara (AIGE); dan Garis Panduan Pengadaptasian Kecerdasan Buatan (AI) Sektor Awam seperti dalam Rajah 3.2.1.

RAJAH 3.2.1. Dasar dan Garis Panduan berkaitan AI



Sumber: Kementerian Digital; Kementerian Ekonomi; Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi; Pejabat AI Kebangsaan dan Pejabat Perdana Menteri Malaysia

Landskap Ketersediaan AI Semasa Malaysia

Tahap ketersediaan AI Malaysia menunjukkan kemajuan yang ketara tetapi masih memerlukan tahap penggunaan yang lebih tinggi dan matang serta impak yang lebih menyeluruh. Penilaian indeks global terkemuka pada 2024 mencerminkan perspektif yang seimbang mengenai kedudukan negara. Universiti Stanford mengiktiraf usaha Kerajaan dalam merangka pembangunan AI di Malaysia seperti dilaporkan dalam Stanford AI Index¹ 2024. Oxford Government AI Readiness Index² turut melaporkan asas Malaysia yang kukuh dalam visi, tatakelola, etika dan kapasiti digital. Indeks tersebut menekankan bahawa Malaysia menunjukkan prestasi yang baik dalam menggubal dasar dan asas institusi yang kukuh disokong oleh penubuhan Pejabat AI Kebangsaan (NAIO).

Walaupun pencapaian Malaysia menunjukkan ketersediaan institusi serta dasar dan asas tatakelola yang kukuh, namun terdapat keperluan untuk memperkukuh tahap kematangan ekosistem melalui penyelidikan, inovasi dan penerimgunaan industri yang meluas. Pencapaian sederhana dalam pembangunan infrastruktur berikutan masih terdapat jurang dalam ketersambungan internet seperti akses rangkaian luar bandar yang terhad dan sistem data bersepadu yang perlahan. Di samping itu, penggunaan AI yang rendah dan pembangunan bakat yang terhad kekal sebagai cabaran bagi Malaysia. Ringkasan ketersediaan AI Malaysia adalah seperti dalam Rajah 3.2.2.

RAJAH 3.2.2. Prestasi Ketersediaan AI Malaysia

Stanford AI Index 2024							
Dasar & Tatakelola	Infrastruktur	Ekonomi	Pendapat Umum	Pendidikan	Penyelidikan & Pembangunan	Kepelbagaian	AI Bertanggungjawab
							
Penyediaan kerangka dasar yang jelas melalui AI-Rmap, Garis Panduan AIGE dan penubuhan NAIO.	Pelaksanaan 5G dan perkembangan pesat pusat data tetapi akses di luar bandar masih terhad dan sistem data bersepadu yang perlahan.	Peningkatan aktiviti ekosistem AI tetapi pelaburan swasta dan kepadatan tenaga kerja masih terhad berbanding negara yang matang dalam AI.	Tahap kesedaran bertambah baik berikutan program kerajaan yang meluas tetapi penglibatan masyarakat masih terhad.	Pelaksanaan inisiatif nasional (seperti AI untuk Rakyat) tetapi bilangan program pendidikan AI secara relatif masih rendah.	Keupayaan penyelidikan sedang berkembang tetapi output dan penyelidikan aktiviti pendaftaran paten masih perlahan.	Data mengikut jantina, wilayah dan sektor ekuiti yang terhad serta penyertaan yang rendah dalam pembangunan AI.	Rangka kerja tatakelola seperti AIGE telah digubal tetapi wacana awam dan akademik mengenai etika, keselamatan dan penerapan nilai AI masih terhad.

Oxford Government AI Readiness 2024		
Kerajaan	Data dan Infrastruktur	Teknologi
		
Hala tuju dasar yang jelas disokong oleh komitmen institusi yang kukuh melalui pelaksanaan AI-Rmap, penggubalan garis panduan AIGE serta penubuhan NAIO.	Kemajuan pembinaan teras utama yang diperlukan bagi menyokong pelaksanaan AI.	Ketersediaan teknologi masih terbatas dengan kadar penerimgunaan AI yang rendah, tahap R&D yang sederhana serta keupayaan inovasi yang terhad.

Sumber: Stanford University dan Oxford Insights

Tahap keupayaan dan ketersediaan syarikat masih terhad dalam memanfaatkan potensi AI secara menyeluruh meskipun Kerajaan telah melaksanakan pelbagai ikhtiar seperti yang dilaporkan dalam Cisco AI Readiness Index³ 2024. Indeks tersebut menunjukkan bahawa tahap penggunaan AI pada peringkat syarikat masih sederhana berikutan kekangan infrastruktur yang menjadi halangan


¹ Stanford AI Index menilai ketersediaan AI peringkat negara melalui lapan tonggak utama dengan setiap satu mewakili aspek kritikal pembangunan AI. Tonggak tersebut merangkumi Penyelidikan dan Pembangunan, AI Bertanggungjawab, Ekonomi, Pendidikan, Kepelbagaian, Dasar dan Tatakelola, Pendapat Umum serta Infrastruktur.

² Oxford Government AI Readiness Index menilai ketersediaan sesebuah kerajaan untuk melaksanakan teknologi AI dalam perkhidmatan awam merentasi tiga tonggak: Kerajaan, Data dan Infrastruktur dan Teknologi.

³ Cisco AI Readiness Index mengukur ketersediaan AI syarikat merentasi enam tonggak utama iaitu Strategi, Infrastruktur, Data, Tatakelola, Bakat dan Budaya.

utama. Di samping itu, penekanan yang lebih strategik perlu diberikan ke atas pembangunan bakat, pengurusan data serta tatakelola bagi mempercepat penggunaan AI di Malaysia. Penemuan Cisco AI Readiness Index 2024 adalah seperti dalam Rajah 3.2.3.

RAJAH 3.2.3. Ketersediaan AI Syarikat Malaysia



Sumber: Cisco Systems, Inc.

Cabaran Jurang AI

Usaha merapatkan jurang AI penting dalam membina ekosistem yang komprehensif memandangkan Malaysia berada pada tahun akhir pelaksanaan AI-Rmap. Walaupun terdapat hala tuju dasar yang kukuh, namun penggunaan AI khususnya dalam kalangan PKS masih tidak seimbang terutamanya disebabkan oleh platform AI yang tidak mesra PKS. Halangan utama penggunaan AI termasuk kepakaran dan pengetahuan aplikasi praktikal yang terhad, ketidakpastian dalam pulangan pelaburan dan kekurangan pembiayaan kewangan berkaitan AI. Program latihan semula dan peningkatan kemahiran juga tidak seragam dan terhad bagi memenuhi permintaan yang tinggi terhadap tahap kecekapan AI. Di samping itu, jurang infrastruktur digital terutamanya di kawasan luar bandar dan terpencil telah menyebabkan gangguan akses kepada ketersambungan berkelajuan tinggi yang stabil seterusnya mengehadikan penggunaan aplikasi perkhidmatan berasaskan awan dan masa nyata yang berkesan. Selain jurang tersebut, kekurangan set data yang sedia digunakan untuk AI turut menjadi penghalang kepada manfaat AI yang bakal diperolehi.

Melangkah ke Hadapan

Malaysia berhasrat untuk menjadi negara AI yang terangkom dan mampan menjelang 2030 seperti digariskan dalam RMK13. Selaras dengan dasar untuk menjadi hab teknologi digital serantau serta merealisasikan penghasilan produk dan perkhidmatan 'Made by Malaysia', terdapat keperluan untuk mengukuhkan ekosistem inovasi, memodenkan infrastruktur, mempersiapkan tenaga kerja masa hadapan dan mempertingkatkan tatakelola.

Memperkukuh Ekosistem Inovasi Domestik

Ekosistem inovasi domestik akan diperkukuh melalui penyediaan kemudahan dan sokongan bersasar bagi menggalakkan kerjasama lebih erat dalam kalangan penyelidik, universiti dan institusi penyelidikan kerajaan. Penekanan juga akan diberikan untuk menyokong perlindungan harta intelek dan memacu inovasi tempatan. Selain itu, pihak swasta perlu memainkan peranan yang lebih signifikan dalam penyediaan hab inkubasi dan *sandbox* dalam usaha memperkenalkan penyelesaian AI ke dalam pasaran.

Memperluas Infrastruktur Data dan Digital

Peluasan set data AI yang sedia digunakan dan pembangunan fasiliti *supercomputer* nasional akan mempercepat keupayaan AI. Selain itu, pelaksanaan 5G di seluruh negara akan memastikan ketersambungan internet yang lebih baik serta memperluas jalur lebar luar bandar dan titik capaian komuniti. Usaha tersebut membolehkan penggunaan aplikasi khusus kepada industri di samping melindungi kedaulatan digital negara.

Meningkatkan Sistem Pendidikan dan Latihan

Penerapan literasi AI merentas sistem pendidikan penting bagi mempersiapkan pelajar menghadapi aplikasi dunia sebenar. Sementara itu, Kerajaan telah memperkenalkan program peningkatan kemahiran dan latihan semula khususnya dalam bidang berkaitan AI bagi melengkapkan pekerja dengan pengetahuan dan kepakaran teknikal AI.

Memperkasakan Perkhidmatan Awam Sedia AI dan Platform GovTech

Kerajaan akan terus menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan awam dengan menggunakan AI ke arah pembuatan keputusan berdasarkan data dan secara responsif. Sehubungan itu, perkhidmatan GovTech akan diperluas menerusi pendekatan menyeluruh Kerajaan bagi memodenkan sektor awam serta menyelaraskan operasi dan perkongsian data merentas kementerian dan agensi.

NAIO untuk Memacu Agenda AI Nasional

Bagi meningkatkan daya saing dan pertumbuhan mampan Malaysia, NAIO telah diamanahkan untuk mempercepat penerimgunaan, memupuk inovasi dan memastikan pembangunan AI yang lebih pantas. Matlamat ini boleh dicapai melalui tujuh penghasilan utama⁴ termasuk penggubalan Pelan Tindakan AI Kebangsaan 2030 bagi memastikan penerimgunaan AI merentas semua sektor. Selain itu, rangka kerja khusus untuk AI akan diperkenalkan bagi memperkukuh ketelusan, menggalakkan amalan beretika serta mempercepat pelaksanaan teknologi AI.

Kesimpulan

Kemajuan dalam AI telah mempercepat pertumbuhan ekonomi di seluruh dunia. Justeru, Malaysia komited memanfaatkan teknologi digital termaju bagi mengoptimumkan peluang ekonomi dalam memperkukuh daya tahan negara dan menyokong pertumbuhan yang inklusif. Langkah ini mencerminkan hasrat Malaysia untuk menjadi negara AI menjelang 2030 melalui pembangunan ekonomi yang dipacu secara digital dan tersedia masa hadapan demi kesejahteraan rakyat Malaysia.

⁴ Tujuh penghasilan utama yang digariskan oleh NAIO merupakan Pelan Tindakan AI Kebangsaan 2030, Rangka Kerja Kawal Selia Penggunaan AI, Mempercepat Penyesuaian Teknologi AI, Kod Etika AI, Kajian Impak AI Kerajaan, Laporan Trend AI Kebangsaan dan pembangunan set data yang berkaitan dengan teknologi AI.

Subsektor makanan & minuman dan penginapan diunjur berkembang sebanyak 6.6% dengan jangkaan ketibaan pelawat asing yang lebih tinggi sempena VM2026 serta penganjuran pelbagai acara perniagaan dan riadah di seluruh negara. Pembangunan Zon Pelaburan Pelancongan (STIZ) di Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Sarawak dijangka dapat menarik pelaburan swasta dan terus melonjakkan aktiviti pelancongan. Zon tersebut akan memperkenalkan produk pelancongan baharu yang memberikan tumpuan kepada seni, budaya, warisan dan tarikan alam semula jadi. Selain itu, kempen melawat negeri Johor, Negeri Sembilan, Perlis dan Selangor dijangka terus menggalakkan aktiviti pelancongan domestik dan memacu pertumbuhan subsektor ini.

Subsektor utiliti diunjur meningkat sebanyak 1.7% disokong oleh permintaan kukuh daripada pengguna dalam segmen perindustrian dan komersial untuk perkhidmatan elektrik dan air. Peningkatan ini seiring dengan peningkatan aktiviti pengeluaran perindustrian bagi memenuhi permintaan domestik dan luar negara. Selain itu, peningkatan bilangan pengoperasian pusat data akan terus menyokong subsektor ini.

Subsektor perkhidmatan lain diunjur meningkat sebanyak 4.6% didorong oleh segmen kesihatan dan pendidikan swasta. Inisiatif Tahun Pelancongan Perubatan Malaysia 2026 (MYMT 2026) yang menekankan perkhidmatan penjagaan kesihatan berkualiti tinggi dengan harga berpatutan akan menarik lebih ramai pelancong penjagaan kesihatan. Industri penjagaan kesihatan akan terus memberikan tumpuan kepada kempen pemasaran yang bersasar terutamanya di China, India dan Indonesia. Sementara itu, segmen pendidikan swasta dijangka terus kukuh dipacu oleh inisiatif sedia ada bagi menarik kemasukan pelajar dari luar negara menerusi program seperti pelancongan pendidikan, kerjasama antarabangsa dan mobiliti.

Subsektor perkhidmatan kerajaan diunjur mencatat pertumbuhan sebanyak 6.8% pada 2026 disumbangkan oleh pelaksanaan pelarasan gaji di bawah SSPA Fasa 2. Di samping itu, perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan dijangka kekal stabil selaras dengan tahun pertama pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026 – 2030 (RMK13).

Sektor Pembuatan

Pertumbuhan kekal menggalakkan

Sektor **pembuatan** diunjur kekal stabil sebanyak 3% pada 2026 disokong oleh industri berorientasikan eksport dan domestik. Manfaat daripada kitaran menaik teknologi global dijangka terus menyokong industri berorientasikan eksport. Kluster E&E kekal sebagai pemacu utama dengan pertumbuhan mampan merentasi produk semikonduktor terutamanya dalam segmen cip berikutan peningkatan permintaan dalam aplikasi AI dan digitalisasi. Perkembangan tersebut akan terus meningkatkan prospek pertumbuhan dan mengukuhkan kedudukan Malaysia dalam rantai bekalan E&E global.

Industri berorientasikan domestik pula dijangka kekal positif dipacu oleh pengeluaran yang lebih tinggi berikutan aktiviti pelaburan dan penggunaan yang stabil serta langkah kerajaan menggalakkan pengeluaran tempatan. Peningkatan dalam ketibaan pelawat asing dan aktiviti gastronomi dijangka terus memacu permintaan untuk segmen barangan pengguna terutamanya makanan dan minuman. Di samping itu, pelaksanaan SSPA Fasa 2 dijangka akan menyokong perbelanjaan isi rumah secara berterusan manakala industri berkaitan pengangkutan turut mendapat manfaat daripada aktiviti logistik dan pelancongan.

Sektor Pertanian

Trend pertumbuhan kekal positif

Sektor **pertanian** diunjur berkembang sebanyak 2.2% pada 2026 disokong oleh semua subsektor kecuali perhutanan dan pembalakan. Subsektor kelapa sawit dijangka mencatat pengeluaran MSM lebih tinggi berikutan peningkatan hasil BTS dan kadar perahan minyak (OER). Peningkatan tersebut terutamanya didorong oleh jangkaan cuaca yang lebih baik, peluasan kawasan kelapa sawit matang serta penambahbaikan berterusan dalam amalan penuaian dan penerimgunaan mekanisasi. Di samping itu, kadar OER yang lebih baik, hasil daripada aktiviti penuaian yang lebih kerap dan pengurusan ladang yang lebih cekap dijangka meningkatkan kualiti buah serta mengurangkan kehilangan hasil. Perkembangan tersebut akan menyokong pertumbuhan keseluruhan subsektor kelapa sawit sepanjang tahun. Dari segi harga, purata harga MSM diunjur berada antara RM3,900 hingga RM4,100 setan metrik (2025: RM4,000 – RM4,300) selaras dengan peningkatan pengeluaran global MSM dan pengeluaran minyak sayuran pesaing lain. Sementara itu, subsektor getah dijangka pulih sejajar dengan pengeluaran lebih tinggi dalam segmen estet dan pekebun kecil.

Pengeluaran subsektor ternakan, perikanan dan pertanian lain juga diunjur meningkat dipacu oleh pertambahan permintaan daripada perbelanjaan isi rumah dan aktiviti pelancongan. Selain itu, pelaksanaan pelan tindakan di bawah pelan induk keterjaminan makanan negara dijangka mendorong pertumbuhan subsektor berkenaan. Seterusnya, pelaksanaan inisiatif RMK13 bagi memodenkan sektor pertanian dengan memberikan keutamaan kepada pertanian berskala besar, mempercepat pelaksanaan tanaman padi moden serta penggunaan teknologi terkini akan terus memangkin subsektor tersebut.

Sektor Perlombongan

Prospek yang lemah

Pada 2026, sektor **perlombongan** diunjur menyusut sebanyak 1% yang mencerminkan prestasi suram merentas semua subsektor. Subsektor gas asli dijangka merosot terutamanya disebabkan oleh pengeluaran lebih rendah di Semenanjung Malaysia dan Sabah serta permintaan yang sederhana daripada negara pengimport utama seperti Jepun, China dan Republik Korea. Secara keseluruhan, pengeluaran gas asli dijangka lebih perlahan walaupun beberapa projek baharu dijadual mula beroperasi termasuk Rosmari & Marjoram di Sarawak di samping Irong Timur dan Kurma Manis di Terengganu. Sementara itu, subsektor minyak mentah dan kondensat diunjur menyusut dipengaruhi oleh pengeluaran lebih rendah di Sabah. Dari segi harga, purata minyak mentah Brent dijangka berada antara USD60 hingga USD65 setong.

Sektor Pembinaan

Pertumbuhan kekal stabil

Sektor **pembinaan** diunjur terus berkembang sebanyak 6.1% pada 2026 didorong oleh prestasi positif dalam semua subsektor. Sektor ini akan mendapat manfaat daripada pelaksanaan pelaburan strategik dan permulaan projek baharu di bawah RMK13. Subsektor kejuruteraan awam dijangka menjadi pemacu utama pertumbuhan melalui projek infrastruktur dan utiliti berskala besar seperti LRT Laluan Mutiara, HHFS dan Grid Tenaga ASEAN. Subsektor bangunan bukan kediaman diunjur terus mengukuh disokong oleh permintaan tinggi bagi kemudahan perindustrian, hab logistik dan pusat data sejajar dengan pengembangan industri berteknologi tinggi serta digitalisasi. Subsektor bangunan kediaman juga dijangka meningkat disokong oleh pelaksanaan program

perumahan mampu milik dan inisiatif pemilikan rumah bersasar di bawah inisiatif RMK13 serta pembangunan projek baharu oleh sektor swasta. Subsektor aktiviti pembinaan khas turut berkembang disokong oleh permintaan berterusan bagi penyediaan tapak, kerja mekanikal dan elektrik serta kerja-kerja akhir.

Permintaan Domestik

Penggunaan dan pelaburan terus memacu aktiviti ekonomi

Pada 2026, **permintaan domestik** dijangka berkembang sebanyak 5.4% dipacu oleh peningkatan perbelanjaan sektor swasta yang mencatat 5.7%. Aktiviti penggunaan dan pelaburan yang kukuh mengekalkan sumbangan signifikan sektor swasta sebanyak 4.5 ppt kepada pertumbuhan KDNK. Sementara itu, perbelanjaan awam dijangka meningkat sebanyak 4.4% dan menyumbang 0.8 ppt kepada pertumbuhan keseluruhan.

Penggunaan swasta diunjur berkembang sebanyak 5.1% dipacu oleh pertumbuhan pendapatan yang mampan dan prospek pasaran pekerjaan yang positif. Di samping itu, kesan limpahan daripada pelaksanaan SSPA Fasa 2, STR dan program subsidi bersasar BUDI MADANI RON95 (BUDI95) dijangka memberikan suntikan tambahan kepada perbelanjaan isi rumah khususnya bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Perbelanjaan pengguna dijangka turut didorong oleh aktiviti pelancongan yang lebih rancak berikutan penganjuran acara nasional dan antarabangsa utama termasuk VM2026, MAHA 2026, Piala Dunia FIFA 2026 serta Piala Thomas & Uber BWF 2026.

Pelaburan swasta dijangka mencatat pertumbuhan sebanyak 7.8% pada 2026 didorong oleh peningkatan perbelanjaan modal pembinaan serta jentera & peralatan dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan berasaskan teknologi. Pelaburan diluluskan yang tinggi khususnya dalam projek berkaitan

semikonduktor, tenaga boleh baharu dan pusat data dijangka akan direalisasikan. Unjuran ini disokong oleh rekod pelaksanaan yang baik dengan 85.1% projek pembuatan diluluskan antara 2021 hingga Jun 2025 telah dijalankan. Permintaan global yang tinggi terhadap E&E serta peningkatan automasi dan digitalisasi dijangka terus menggalakkan pelaburan dalam aktiviti bernilai tinggi dan berinovasi. Pada masa yang sama, inisiatif berterusan seperti GEAR-uP dan pelaksanaan pelan induk nasional akan mengukuhkan keyakinan pelabur serta kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang berdaya saing.

Penggunaan awam diunjur berkembang sebanyak 3.2% pada 2026 terutamanya dipacu oleh peningkatan perbelanjaan emolumen susulan pelarasan gaji di bawah SSPA Fasa 2. Perbelanjaan bagi perkhidmatan dan bekalan dijangka kekal stabil bagi memastikan penyampaian berterusan perkhidmatan awam selari dengan disiplin fiskal Kerajaan dan prinsip nilai untuk wang.

Pelaburan awam dijangka berkembang sebanyak 7.3% pada 2026 terutamanya dipacu oleh peningkatan perbelanjaan modal oleh syarikat awam yang dianggar menyumbang sekitar 70% daripada jumlah pelaburan awam. Pertumbuhan ini akan terus disokong oleh pembangunan dalam sektor strategik termasuk utiliti, tenaga dan pengangkutan untuk menyokong daya tahan ekonomi dan pertumbuhan masa hadapan. Pembangunan ini termasuk projek meningkatkan kapasiti penjanaan elektrik, menaik taraf rangkaian kereta api serta sistem pengangkutan awam. Pelaburan awam juga dijangka mendapat manfaat daripada momentum tahun pertama RMK13 yang dipacu oleh pelaksanaan beberapa projek baharu berteraskan rakyat dengan matlamat untuk meningkatkan kesejahteraan awam seperti membina pusat kanser di wilayah utara, menaik taraf terminal lapangan terbang Miri dan program memperkukuh keterjaminan makanan negara. Inisiatif tersebut akan disokong oleh pelaburan strategik oleh GLIC

dalam sektor utama. Secara keseluruhan, aktiviti pelaburan awam akan memperkukuh agenda pembangunan negara di samping menggalakkan pertumbuhan yang terangkum dan mampan.

Pada 2026, PNK pada harga semasa diunjur berkembang sebanyak 5.3% kepada RM2,064.2 bilion. Peratusan TNK berbanding PNK kekal tinggi pada 22.9% terutamanya disumbangkan oleh tabungan sektor swasta. Sementara itu, jumlah pelaburan dijangka meningkat sebanyak 6.2% kepada RM450.5 bilion mewakili 21.8% daripada PNK. **Jurang tabungan-pelaburan** diunjur mencatat lebih banyak RM23.2 bilion atau 1.1% daripada PNK mampu menyediakan kecairan yang mencukupi bagi pelaburan produktif jangka masa panjang.

Pendapatan

Pembaharuan berterusan bagi meningkatkan pertumbuhan pendapatan

Prospek **PP** dijangka lebih menggalakkan pada 2026 didorong oleh pengukuhan institusi buruh dan pemerkasaan mekanisme penetapan gaji. Inisiatif gaji wajar di bawah GEAR-uP turut berpotensi menggalakkan syarikat lain membayar gaji lebih tinggi kepada pekerja. Selain itu, faktor kitaran seperti VM2026 dijangka memacu industri berkaitan pelancongan termasuk perdagangan borong & runcit, makanan & minuman, penginapan, logistik serta aktiviti perkhidmatan sokongan sekali gus meningkatkan peluang pekerjaan dan pertumbuhan gaji. Perkembangan ini akan meningkatkan lagi bahagian pendapatan pekerja kepada 34.9% seterusnya merapatkan jurang pencapaian sasaran jangka masa panjang secara berperingkat dalam meningkatkan bahagian pendapatan pekerja kepada 40% daripada KDNK menjelang 2030.

Pertumbuhan **LKK** dijangka meningkat sebanyak 3.1% dan menyumbang 60.8% bahagian daripada KDNK pada 2026. Pertumbuhan lebih kendalian akan disokong oleh permintaan domestik yang teguh serta pengukuhan berterusan sektor perkhidmatan khususnya dalam industri berkaitan pelancongan dan aktiviti berkaitan infrastruktur. Walau bagaimanapun, peningkatan kos input dan risiko luaran akibat ketidakpastian perdagangan global mungkin mengehadkan keuntungan margin bagi firma yang berorientasikan eksport. Sementara itu, pendapatan campuran dijangka meningkat sebanyak 10.6% dan menyumbang 17.2% daripada KDNK. Rang Undang-undang Pekerja Gig 2025 akan membolehkan pembangunan rangka kerja pendapatan yang lebih adil seterusnya menyediakan perlindungan sosial kepada sekitar 1.2 juta pekerja gig termasuk pemandu e-panggilan dan pekerja bebas. Perundangan ini yang juga bertujuan mengintegrasikan pekerja gig ke dalam sektor formal dijangka dapat meningkatkan minat dan lebih banyak penyertaan dalam pekerjaan sendiri sebagai sumber pendapatan utama isi rumah.

Pendapatan daripada cukai tidak langsung dan hasil bukan cukai ke atas pengeluaran dan import dijangka meningkat sebanyak 7.9% pada 2026 berikutan pembaharuan berterusan untuk mempelbagaikan hasil dan memperluas cukai. Di samping itu, perbelanjaan untuk subsidi dan insentif dijangka berkurang sebanyak 38.5% selaras dengan komitmen Kerajaan dalam melaksanakan penyasaran subsidi. Justeru, bahagian pendapatan daripada **cukai bersih** ke atas pengeluaran dan import dianggarkan menyumbang 4.3% daripada KDNK pada 2026 selaras dengan usaha penerusan strategi konsolidasi fiskal.

Sektor Luar Negeri

Prospek luar negeri yang stabil

Pada 2026, **eksport kasar** diunjur berkembang sebanyak 2.8% terutamanya bagi barangan pembuatan dan barangan pertanian. Perkembangan ini disokong oleh peningkatan berterusan dalam sektor E&E dipacu oleh permintaan lebih tinggi untuk semikonduktor dan aplikasi AI di peranti hujung (*AI edge applications*) serta harga komoditi yang kompetitif. Pertumbuhan ini juga disumbangkan oleh permintaan luar yang lebih kukuh susulan peningkatan perdagangan berikutan kepelbagaian pasaran dan produk berdasarkan kelebihan bandingan Malaysia terutamanya dalam semikonduktor. Di samping itu, usaha mempergiat perdagangan dengan negara anggota ASEAN serta meneroka pasaran bukan tradisional akan mengukuhkan lagi eksport.

Eksport barangan pembuatan dijangka meningkat sebanyak 3% disumbangkan oleh peningkatan permintaan bagi produk E&E dengan bahagian sebanyak 50.4% dan produk bukan E&E sebanyak 49.6%. Produk E&E diunjur berkembang sebanyak 3.9% disokong oleh permintaan stabil bagi semikonduktor. Peningkatan ini selaras dengan kitaran menaik teknologi yang berterusan dengan jangkaan perkembangan pasaran semikonduktor global sebanyak 9.9% seperti dilaporkan oleh World Semiconductor Trade Statistics. Di samping itu, eksport produk bukan E&E dijangka pulih sebanyak 2.1% berikutan permintaan lebih tinggi terutamanya bagi produk pembuatan berasaskan minyak sawit; pembuatan barangan logam; kimia dan produk kimia; serta jentera, kelengkapan dan peralatan.

Eksport barangan pertanian diunjur berkembang sebanyak 3.3% disokong oleh permintaan global yang stabil bagi minyak sawit dan produk pertanian berasaskan minyak

sawit disumbangkan oleh peningkatan volum eksport dan harga yang kompetitif bagi barangan pertanian. Walau bagaimanapun, eksport barangan perlombongan dijangka menyusut secara marginal sebanyak 0.4% berikutan eksport lebih rendah bagi LNG dan petroleum mentah antaranya disebabkan oleh permintaan lebih perlahan daripada pasaran import utama.

Import kasar dijangka meningkat sebanyak 3.9% pada 2026 dipacu oleh pertumbuhan dalam semua komponen sekali gus menunjukkan prestasi Malaysia yang stabil dalam sektor utama ekonomi dan aktiviti pelaburan strategik. Import barangan perantaraan diunjur berkembang sebanyak 4.2% terutamanya bagi alat ganti dan aksesori serta bekalan perindustrian seiring dengan peningkatan eksport dalam barangan pembuatan. Selain itu, import barangan modal diunjur meningkat sebanyak 4.3% berikutan aktiviti pelaburan yang berterusan didorong oleh pembangunan pusat data serta peningkatan permintaan barangan pukal seperti pesawat udara dan lokomotif. Import barangan penggunaan dijangka meningkat sebanyak 3.9% menunjukkan perbelanjaan isi rumah yang lebih kukuh.

Lebih akaun semasa imbalan pembayaran pada 2026 diunjur lebih rendah sebanyak RM23.2 bilion atau 1.1% daripada PNK. Penyusutan ini disebabkan oleh peningkatan bayaran melebihi peningkatan terimaan berikutan pelaksanaan pelaburan diluluskan dan kemajuan projek sedia ada. Akaun barangan diunjur mencatat lebih kecil sebanyak RM98.3 bilion disebabkan oleh pengukuhan import khususnya bagi barangan modal yang melebihi peningkatan permintaan daripada rakan dagang utama. Walau bagaimanapun, akaun perkhidmatan dijangka mencatat lebih kecil sebanyak RM0.1 bilion. Lebihan ini disumbangkan oleh peningkatan aliran masuk bersih dalam akaun

perjalanan dan aliran keluar bersih lebih kecil dalam akaun perkhidmatan lain meskipun akaun pengangkutan merekodkan defisit lebih besar. Terimaan dalam akaun perjalanan dijangka meningkat kepada RM119.5 bilion disokong oleh peningkatan ketibaan pelancong. Walau bagaimanapun, bayaran dalam akaun perjalanan dijangka meningkat kepada RM65.3 bilion berikutan perbelanjaan residen di luar negara bagi aktiviti perjalanan perniagaan, pendidikan dan keagamaan.

Terimaan dalam akaun pengangkutan diunjur mencecah RM37.1 bilion disumbangkan oleh pendapatan lebih tinggi daripada perkhidmatan perjalanan udara dan pengendalian kargo yang disediakan oleh syarikat domestik. Walau bagaimanapun, kebergantungan berterusan terhadap perkhidmatan pengangkutan asing dijangka meningkatkan bayaran dalam akaun pengangkutan kepada RM69.9 bilion. Justeru, akaun pengangkutan diunjur mencatat aliran keluar bersih lebih tinggi sebanyak RM32.8 bilion pada 2026. Akaun perkhidmatan lain juga dijangka mencatat defisit lebih kecil sebanyak RM21.4 bilion disokong oleh terimaan yang meningkat kepada RM130.6 bilion berikutan penghantaran balik keuntungan pelaburan dan penerusan projek strategik di luar negara. Walau bagaimanapun, bayaran dalam akaun perkhidmatan lain diunjur berjumlah RM152 bilion disebabkan oleh bayaran lebih tinggi untuk perkhidmatan telekomunikasi, komputer dan maklumat serta caj penggunaan harta intelek.

Akaun pendapatan primer diunjur mencatat defisit lebih besar sebanyak RM61.6 bilion pada 2026 disebabkan oleh peningkatan bayaran dalam pampasan pekerja dan akaun pendapatan pelaburan. Bayaran dalam akaun pendapatan pelaburan dijangka meningkat berikutan penghantaran balik keuntungan oleh pelabur asing seiring dengan aktiviti pelaburan yang kukuh seterusnya mengakibatkan defisit lebih tinggi sebanyak RM49.9 bilion. Pampasan untuk profesional asing dijangka mencatat

aliran keluar bersih lebih tinggi sebanyak RM11.7 bilion berikutan agenda pembangunan berterusan bagi industri HGHV seperti teknologi digital termasuk AI, pengkomputeran awan dan automasi. Walau bagaimanapun, defisit dalam akaun pendapatan sekunder diunjur mengecil iaitu sebanyak RM13.5 bilion terutamanya disumbangkan oleh peningkatan kiriman wang masuk oleh rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara.

Harga

Inflasi dijangka kekal terkawal

Inflasi keseluruhan diunjur mencatat antara 1.3% hingga 2% pada 2026 mencerminkan persekitaran pertumbuhan harga yang kekal terkawal. Unjuran ini dipengaruhi oleh permintaan domestik yang stabil, keadaan pasaran buruh yang kukuh serta dasar yang menyokong kuasa beli isi rumah dan kestabilan pasaran. Tekanan harga dijangka kekal terkawal disokong oleh penambahbaikan berterusan dalam rantai bekalan dan produktiviti dengan kos harga pengeluaran dipindahkan secara beransur-ansur kepada pengguna. Secara amnya, risiko terhadap unjuran ini seimbang dengan risiko inflasi yang lebih tinggi mengambil kira pelarasan harga barang kawalan atau peningkatan harga komoditi global. Walau bagaimanapun, nilai ringgit yang stabil, langkah dasar yang berterusan dan sebarang penurunan lanjut dalam harga makanan dan tenaga global dijangka boleh menyederhanakan inflasi.

Pasaran Buruh

Pasaran buruh berdaya tahan, tenaga kerja sedia masa hadapan

Pasaran buruh dijangka kekal optimistik pada 2026 didorong oleh permintaan domestik yang berdaya tahan dan pertumbuhan berterusan dalam sektor utama ekonomi. Pertumbuhan ini juga disokong oleh lonjakan

aktiviti pelancongan berikutan VM2026 dan pelaksanaan pelaburan awam yang strategik di bawah RMK13. Penerusan pembaharuan struktural khususnya berkaitan mekanisme penetapan gaji dan usaha menambah baik persekitaran pekerjaan dijangka menggalakkan lebih banyak penyertaan tenaga buruh dan meningkatkan kesejahteraan pekerja. Walaupun ketidaktentuan dalam perdagangan global masih berterusan dan berpotensi menjejaskan penggajian pekerja dalam industri berorientasikan eksport dan komoditi, namun pertumbuhan kukuh dalam sektor berorientasikan domestik dijangka mengekalkan pertumbuhan guna tenaga dan gaji. Sehubungan itu, **kadar pengangguran** dijangka kekal 3% pada 2026. Jumlah **guna tenaga** diunjur berkembang sebanyak 2.3% kepada 17.2 juta orang dipacu oleh pewujudan pekerjaan dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan yang dijangka menyumbang lebih 80% daripada jumlah keseluruhan guna tenaga.

Bilangan **pekerja asing** berkemahiran rendah dijangka berkurang pada 2026 disebabkan oleh kawalan ketat terhadap kelulusan permohonan kuota pekerja asing mengikut kes-kes tertentu bagi sektor yang diluluskan seperti pertanian, pembinaan dan industri perkhidmatan terpilih. Kerajaan juga kekal komited untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing dengan mengehadkan siling penggajian sedia ada iaitu 15% kepada 10% daripada jumlah guna tenaga seperti digariskan dalam RMK13. Pelaksanaan mekanisme levi pelbagai peringkat pada 2026 juga dijangka terus mendorong industri beralih ke arah mekanisasi dan automasi sekali gus mengurangkan permintaan terhadap pekerja asing berkemahiran rendah. Sementara itu, permintaan berterusan terhadap tenaga kerja dalam ekonomi akan dipenuhi melalui pelaburan yang lebih besar dalam automasi dan peningkatan kemahiran pekerja tempatan untuk menyokong pertumbuhan produktiviti.

Produktiviti buruh diunjur meningkat sebanyak 2% kepada RM103,700 pada 2026 terutamanya disokong oleh perkembangan dalam sektor pembinaan dan perkhidmatan. Pertumbuhan ini akan disokong lagi melalui usaha berterusan untuk mengukuhkan program pembangunan kemahiran supaya sejajar dengan keperluan industri di samping pelaburan lebih besar dalam transformasi digital dan mekanisasi untuk mempercepat penggunaan teknologi merentas industri. Selain itu, strategi untuk menambah baik kawal selia dan tadbir urus melalui pendigitalan dijangka dapat memperkemas penyampaian perkhidmatan dan mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih cekap dan produktif.

Kesimpulan

Ekonomi Malaysia dijangka mengekalkan trajektori pertumbuhan yang berdaya tahan disokong oleh kepelbagaian struktur ekonomi dan pengukuhan pengurusan dasar meskipun berdepan dengan peningkatan ketidaktentuan global ekoran ketidakpastian tarif perdagangan dan ketegangan geopolitik yang berpanjangan. Walaupun pasaran berorientasikan eksport Malaysia terdedah kepada risiko, namun permintaan domestik terus menyediakan asas yang teguh disokong oleh pasaran buruh yang kukuh dan penggunaan swasta yang rancak. Program VM2026 memainkan peranan strategik dan bertindak sebagai pemangkin ekonomi. Dengan sasaran ketibaan pelawat asing sebanyak 47 juta, program ini berpotensi meningkatkan sektor perkhidmatan termasuk peruncitan, pengangkutan dan perhotelan manakala sektor pembuatan dan perdagangan kekal menggalakkan. Ekonomi domestik yang kukuh, kepelbagaian perdagangan yang ditambah baik dan aktiviti pelancongan sebagai pencetus utama membolehkan Malaysia mengharungi cabaran global dan mengekalkan momentum pertumbuhan negara.

Rujukan

- ASEAN. (2024). *ASEAN | One vision one identity one community*. ASEAN. <https://asean.org/>
- Bank Dunia. (2025, April). *The World Bank in Malaysia*. World Bank. <https://www.worldbank.org/en/country/malaysia/overview>
- Bank Negara Malaysia. (2025, September 12). *Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia pada 12 September 2025*. <https://www.bnm.gov.my/-/rizab-antarabangsa-bank-negara-malaysia-pada-12-september-2025>
- Bown, C. P. (2025, Februari 25). *Trump's trade war timeline 2.0: An up-to-date guide*. Peterson Institute for International Economics. <https://www.piie.com/blogs/realtime-economics/2025/trumps-trade-war-timeline-20-date-guide>
- Chai, A., & Moneta, A. (2010). Retrospectives: Engel curves. *Journal of Economic Perspectives*, 24(1), 225–240. <https://doi.org/10.1257/jep.24.1.225>
- Frank, R. H. (2021). *Microeconomics and behavior* (10th ed.). McGraw-Hill Education.
- Goldin, C. (2006). The quiet revolution that transformed women's employment, education, and family. *American Economic Review*, 96(2), 1–21. <https://doi.org/10.1257/000282806777212350>
- Institut Penyelidikan Khazanah. (2025). *The state of households 2024: Households and the pandemic 2019–2022*. Khazanah Research Institute.
- Institute for Human-Centered Artificial Intelligence, Stanford University. (2025a). *Global AI vibrancy tool*. <https://hai.stanford.edu/ai-index/global-vibrancy-tool>
- Institute for Human-Centered Artificial Intelligence, Stanford University. (2025b). *Artificial intelligence index report 2025*. https://hai.stanford.edu/assets/files/hai_ai_index_report_2025.pdf
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2010). *Laporan survei pendapatan isi rumah dan kemudahan asas 2009*. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2011). *Laporan penyiasatan perbelanjaan isi rumah 2009/10*. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2015a). *Laporan penyiasatan perbelanjaan isi rumah 2014*. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2015b). *Laporan survei pendapatan isi rumah dan kemudahan asas 2014*. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2017a). *Laporan penyiasatan perbelanjaan isi rumah 2016*. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2017b). *Laporan survei pendapatan isi rumah dan kemudahan asas 2016*. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020a). *Laporan survei perbelanjaan isi rumah 2019*. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020b). *Laporan survei pendapatan isi rumah dan kemudahan asas 2019*. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021). *NEWSS portal*. <https://newss.statistics.gov.my/newss-portalx/ep/epProductFreeDownloadSearch.seam>

- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021). Rencana 1: Kuasa beli isi rumah. In *Analisis indeks harga pengguna tahunan 2020* (pp. 37–39). Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023a). *Laporan survei perbelanjaan isi rumah 2022*. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023b). *Laporan survei pendapatan isi rumah 2022*. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2025a). *Laporan survei pendapatan isi rumah 2024*. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2025b). *Laporan survei pendapatan isi rumah 2024*. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2025c). *Analisis indeks harga pengguna tahunan 2024*. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2025d). *Imbangan pembayaran Malaysia – Suku tahun pertama 2025*. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2025e). *Imbangan pembayaran Malaysia – Suku tahun kedua 2025*. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2025f). *Perangkaan perdagangan luar negeri bulanan, Ogos 2025*. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Kearney. (2020). *Racing towards the future: AI in Southeast Asia*. <https://www.middle-east.kearney.com/service/digital-analytics/article/-/insights/racing-toward-the-future-artificial-intelligence-in-southeast-asia>
- Kementerian Digital. (2024, September 12). *Keynote speech Minister of Digital for the launch of Malaysia Digital Tech Adoption Summit: Artificial intelligence (AI)*. [https://www.digital.gov.my/siaran/MALAYSIA-DIGITAL-TECH-ADOPTION-SUMMIT:-ARTIFICIAL-INTELLIGENCE-\(AI\)](https://www.digital.gov.my/siaran/MALAYSIA-DIGITAL-TECH-ADOPTION-SUMMIT:-ARTIFICIAL-INTELLIGENCE-(AI))
- Kementerian Ekonomi. (2025). *Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026–2030 (RMK13), Melakar semula pembangunan*. <https://rmk13.ekonomi.gov.my/wp-content/uploads/2025/08/240825-Buku-Utama-e-Book.pdf>
- Kementerian Kewangan Malaysia. (2025, Ogos 8). *Kenyataan prabelanjawan 2026 memacu Ekonomi MADANI: Memperkasa rakyat* [Siaran media]. <https://mof.gov.my/portal/ms/berita/siaran-media/kenyataan-prabelanjawan-2026>
- Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri. (2017). *Miti.gov.my*. <https://www.miti.gov.my/index.php>
- Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. (2021). *Pelan hala tuju kecerdasan buatan 2021–2025*. <https://mastic.mosti.gov.my/publication/artificial-intelligence-roadmap-2021-2025/>
- Khan, H. N., Razali, R. B., & Shafie, A. B. (2016). Modeling determinants of health expenditures in Malaysia: Evidence from time series analysis. *Frontiers in Pharmacology*, 7, 69. <https://doi.org/10.3389/fphar.2016.00069>
- Oxford Insights. (2024). *Government AI readiness index 2024*. <https://oxfordinsights.com/wp-content/uploads/2025/06/2024-Government-AI-Readiness-Index.pdf>
- Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia. (2024). *Home – MATRADE*. <https://www.matrade.gov.my/en/>
- Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia. (2025). *Trade performance: August 2025 and January–August 2025*. <https://www.matrade.gov.my/ms/export-to-the-world/219-pengeksport-malaysia/trade-performance-2025>

Tabung Kewangan Antarabangsa. (2025, Julai 29). *World economic outlook update, July 2025: Global economy: Tenuous resilience amid persistent uncertainty*. <https://www.imf.org/en/Publications/WEO/Issues/2025/07/29/world-economic-outlook-update-july-2025>

Tabung Kewangan Antarabangsa. (2025, April 22). *World economic outlook, April 2025: A critical juncture amid policy shifts*. <https://www.imf.org/en/Publications/WEO/Issues/2025/04/22/world-economic-outlook-april-2025>

The White House. (2025, April 2). *Fact sheet: President Donald J. Trump declares national emergency to increase our competitive edge, protect our sovereignty, and strengthen our national and economic security*. <https://www.whitehouse.gov/fact-sheets/2025/04/fact-sheet-president-donald-j-trump-declares-national-emergency-to-increase-our-competitive-edge-protect-our-sovereignty-and-strengthen-our-national-and-economic-security/>

The White House. (2025, April 2). *Regulating imports with a reciprocal tariff to rectify trade practices that contribute to large and persistent annual United States goods trade deficits*. <https://www.whitehouse.gov/presidential-actions/2025/04/regulating-imports-with-a-reciprocal-tariff-to-rectify-trade-practices-that-contribute-to-large-and-persistent-annual-united-states-goods-trade-deficits/>

The White House. (2025, Julai 7). *Extending the modification of the reciprocal tariff rates*. <https://www.whitehouse.gov/presidential-actions/2025/07/extending-the-modification-of-the-reciprocal-tariff-rates/>

The White House. (2025, Julai 31). *Further modifying the reciprocal tariff rates*. <https://www.whitehouse.gov/presidential-actions/2025/07/further-modifying-the-reciprocal-tariff-rates/>

World Semiconductor Trade Statistics. (2025, Ogos 4). *The World Semiconductor Trade Statistics (WSTS) organization has released Q2 statistical data and confirmed the WSTS Spring forecast for the global semiconductor market through 2026*. <https://www.wsts.org/esraCMS/extension/media/f/WST/7175/WSTS-Q2-Release-2025-08-04.pdf>